ڤليتا بروني
PELITA BRUNEI
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

"DAN peliharalah diri kamu daripada (berlakunya) fitnah (yang membawa bala bencana) yang bukan sahaja akan menimpa orang-orang yang zalim antara kamu secara khusus (tetapi akan menimpa kamu kesemuanya). Dan ketahuilah bahawa Allah sangat berat seksa-Nya".

- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah Al-Anfal ayat 25

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.46 | SUBUH 4.56 | SYURUK 6.14 | DUHA 6.36 | ZUHUR 12.21 | ASAR 3.26 | MAGHRIB 6.26 | ISYAK 7.35

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 70 BILANGAN 106 | 3 SEPTEMBER 2025 / 1447 ربيع الأول 10 | JABATAN PENERANGAN | EDISI RABU / PERCUMA

دولت كباوه دولي توان ڤاتيق
Daulat Kebawah Duli Tuan Patik
79 Tahun

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei

# 36 PENERIMA DIKURNIAKAN BINTANG-BINTANG KEBESARAN NBD

Oleh : Aimi Sani

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 2 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam (NBD) kepada 36 penerima sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79, Tahun 2025 yang berlangsung di Balai Singgahsana Indera Kenchana, Istana Nurul Iman, di sini.

>> Muka 2



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam kepada 36 penerima sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79, Tahun 2025. - Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.**

# Perutusan tahniah sempena Hari Kebangsaan Republik Sosialis Viet Nam







**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Luong Cuong, dan Perdana Menteri Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Pham Minh Chinh.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 2 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Luong Cuong, dan Perdana Menteri Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Pham Minh Chinh, dan juga kerajaan serta rakyat Republik Sosialis Viet Nam, sempena Ulang Tahun Hari Kebangsaan Republik Sosialis Viet Nam yang ke-80 Tahun.

## Berita Utama



PASTIKAN kelancaran majlis perhimpunan, perarakan Maulud Nabi

Muka 9



ITQSHHB raikan 27 graduan pada Majlis Khatam Al-Quran

Muka 12



TAMAN hidroponik terapeutik The Healing Space dilancarkan

Muka 19



RENCANA

MERAIKAN graduan UTB

Muka 28

# 36 penerima dikurniakan Bintang-bintang Kebesaran NBD





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bagi mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79, Tahun 2025. Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.**

**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

>> Muka 1

Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, iaitu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM); Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

>> Muka 3

## WAKTU SEMBAHYANG

| SEPTEMBER MASIHI | HARI | RABIULAWAL HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 3 | RABU | 10 | 4.46 | 4.56 | 6.14 | 6.36 | 12.21 | 3.26 | 6.26 | 7.35 |
| 4 | KHAMIS | 11 | 4.46 | 4.56 | 6.14 | 6.36 | 12.20 | 3.25 | 6.25 | 7.35 |
| 5 | JUMAAT | 12 | 4.46 | 4.56 | 6.13 | 6.36 | 12.20 | 3.24 | 6.25 | 7.34 |
| 6 | SABTU | 13 | 4.46 | 4.56 | 6.13 | 6.35 | 12.20 | 3.23 | 6.24 | 7.34 |
| 7 | AHAD | 14 | 4.45 | 4.55 | 6.13 | 6.35 | 12.19 | 3.21 | 6.24 | 7.33 |
| 8 | ISNIN | 15 | 4.45 | 4.55 | 6.13 | 6.35 | 12.19 | 3.20 | 6.23 | 7.33 |
| 9 | SELASA | 16 | 4.45 | 4.55 | 6.12 | 6.35 | 12.19 | 3.19 | 6.23 | 7.32 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | RABU | KHAMIS | JUMAAT |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 32 24 °C | 32 24 °C | 31 24 °C |
| Pekan Bangar | 32 24 °C | 32 24 °C | 31 24 °C |
| Pekan Tutong | 32 24 °C | 32 24 °C | 31 24 °C |
| Kuala Belait | 32 24 °C | 32 24 °C | 31 24 °C |

Wallahualam Bissawab www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG 3 SEPTEMBER 2025

### Sumbangan membina masjid amatlah mulia

**MASJID** bererti sebuah bangunan tempat bagi umat Islam bersujud dengan meletakkan dahinya ke lantai dalam menunaikan ibadah sembahyang. Dalam erti kata yang lain, masjid merupakan bangunan rasmi khusus bagi umat Islam menjalani kegiatan ibadat. Ia juga satu binaan yang digunakan untuk sembahyang berjemaah, bersembahyang Jumaat, beriktikaf dan sebagainya.

Hadis riwayat Imam At-Tirmidzi dalam Kitab Jami'nya, daripada Anas Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang bermaksud : "*Barang siapa yang membina masjid kerana Allah, kecil atau besar, nescaya Allah mendirikan bagi orang tersebut sebuah rumah di syurga*".

Pembinaan masjid itu hendaklah berasaskan pada niat untuk mencapai ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Ia juga merupakan satu kewajipan bagi orang-orang Islam untuk membina masjid di tempat yang didiami oleh umat Islam seperti kawasan bandar, pekan, mukim dan kampung.

Kerja-kerja pembinaan masjid itu termasuklah satu ibadat yang besar pahalanya dan termasuk sebahagian daripada *Jihad Fi Sabilillah*'. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah At-Taubah, ayat 41 yang terjemahan makna ayatnya : "*Pergilah segera untuk berjihad (pada jalan Allah) sama ada dalam keadaan ringan mahupun dalam keadaan berat dan berjihadlah dengan harta benda dan jiwa kamu pada jalan Allah. Yang demikian itu lebih baik bagi kamu jika benar kamu mengetahui*".

Segala sumbangan untuk membina masjid itu amatlah mulia dan Allah Subhanahu Wata'ala melipatgandakan ganjaran pahala sepertimana firman-Nya dalam Surah Al-Baqarah, ayat 261 yang terjemahan makna ayatnya : "*Perumpamaan orang-orang yang membelanjakan harta mereka pada jalan Allah samalah seperti (menanam) sebiji benih yang menumbuhkan tujuh tangkai, tiap-tiap satu tangkai, pula mengandungi 100 biji. Dan Allah menggandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya. Dan Allah Maha Luas (rahmat dan limpah kurnia-Nya) lagi Maha Mengetahui*".

Kesimpulannya orang-orang yang menghulurkan sumbangan untuk membina masjid itu akan dibinakan rumah di syurga oleh Allah Subhanahu Wata'ala di akhirat nanti. Masjid tidaklah dapat disamakan dengan tempat-tempat lain seperti rumah-rumah persendirian, gedung-gedung perniagaan atau pasar kerana masjid adalah rumah Allah Subhanahu Wata'ala dan dijadikan tempat untuk orang Islam melakukan ibadat.

Di samping itu, ia juga menjadi lambang kekuatan agama Islam dan kekukuhan iman. Masjid juga adalah tempat kebajikan yang penuh dengan rahmat dan berkat. Memandangkan masjid itu tempat yang mulia, maka sewajarnya kita memelihara kemuliaannya dengan sebaik-baiknya dengan tidak melakukan sebarang pencemaran atau kekotoran di dalamnya.

Hendaklah menjaga kebersihan diri sebelum pergi ke masjid kerana para malaikat akan terganggu sebagaimana kita manusia juga terganggu jika terdapat bau busuk dan kotoran. Dalam perkara memelihara kebersihan ini, kita hendaklah juga menjaga kebersihan masjid itu sendiri, baik di dalam masjid mahupun di luarnya dan ini termasuklah juga semasa menggunakan tandas di masjid.

Oleh itu, setiap umat Islam hendaklah mengagungkan rumah Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan demikian mereka akan mendapat kedudukan yang tinggi di sisi-Nya di akhirat nanti. - **Ketua Penyuntingan (Zk)**



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berkenan berangkat bagi Istiadat Pengurniaan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam (NBD) bersempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79, Tahun 2025 berlangsung di Balai Singgahsana Indera Kenchana, Istana Nurul Iman.**

>> Muka 2

Istiadat Pengurniaan Bintang-bintang Kebesaran NBD didahului dengan pengurniaan Darjah Seri Ugama Islam Negara Brunei Yang Amat Bersinar Darjah Keempat (S.U.B) kepada seorang penerima dari Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) diikuti dengan pengurniaan Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Keempat (P.S.B) kepada 31 penerima.

Para penerima terdiri daripada sembilan pegawai dari Pejabat Kebawah DYMM, dua pegawai dari JPM, seorang pegawai dari Kementerian Kesihatan, tiga pegawai dari Kementerian Pendidikan dan 16 penerima daripada sektor swasta.

>> Muka 4





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran NBD kepada para penerima (atas kiri, atas kanan, bawah kiri dan bawah kanan).**









**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam (NBD) kepada para penerima (atas kiri dan atas kanan).**

>> Muka 3

Sementara itu, seramai empat orang dikurniakan Darjah Seri Ugama Islam Negara Brunei Yang Amat Bersinar Darjah Kelima (P.U.B) terdiri daripada seorang pegawai dari JPM dan tiga pegawai dari KHEU.

Juga berangkat dan hadir pada istiadat berkenaan ialah Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara dan Pengiran-pengiran Peranakan serta pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Istiadat Pengurniaan Bintang-bintang Kebesaran NBD diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.





**SEKITAR Istiadat Pengurniaan Bintang-bintang Kebesaran NBD kepada para penerima yang berlangsung di di Balai Singgahsana Indera Kenchana, Istana Nurul Iman (atas kiri, atas kanan dan bawah kiri).**









**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia serta paduka-paduka anakanda dan adinda baginda menadah tangan semasa doa dibacakan (atas).**

**BACAAN Doa Selamat oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan (kiri sekali). Sementara gambar kiri, antara yang hadir pada majlis tersebut.**

# KHEDN SEMARAKKAN SAMBUTAN MAULIDUR RASUL DENGAN MAJLIS DIKIR



Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat Majlis Dikir sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi.**

**MENGKUBAU**, Selasa, 2 September. - Majlis Dikir sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi di Daerah Brunei Muara diadakan di Masjid An-Na'im, Kampung Panchor Mengkubau, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman.

Atur cara dimulai dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, diikuti dengan bacaan Dikir didahului dengan Dikir Assalamu'alaika oleh pasukan Dikir Ahli Takmir Masjid An-Na'im Kampung Panchor Mengkubau.

Diteruskan dengan Dikir Bishahrin oleh pasukan Dikir Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kawasan 2 Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Mentiri, manakala Dikir Khairuman dan Asyraqal Badru pula dipimpin oleh pasukan Dikir gabungan Kawasan 1 hingga Kawasan 5 RPN Kampung Panchor Mengkubau.

Manakala, bacaan Doa Dikir pula dipimpin oleh Imam Masjid An-Na'im, Kampung Panchor Mengkubau, Awang Suhif @ Syu'aib bin Haji Abdullah.

Manakala bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam (NBD) serta doa agar NBD terselamat daripada bala dan segala penyakit dikepalai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid An-Na'im, Kampung Panchor Mengkubau, Awang Muhammad Saifullah bin Haji Rosli.

Majlis antara lain diadakan bagi sama-sama menyemarakkan lagi Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam dan memeriahkan lagi suasana Sambutan Maulidur Rasul serta menggalakkan warga kementerian untuk terus berselawat dan memuji Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara dalam kalangan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung di Daerah Brunei dan Muara, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya serta Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung, Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid dan Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung.



**SEBAHAGIAN yang hadir pada majlis berkenaan yang diadakan di Masjid An-Na'im.**

# Majlis Bercorak Keagamaan serikan Istana Nurul Iman



**YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Bercorak Keagamaan yang diadakan di Istana Nurul Iman.**

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 2 September. - Majlis Bercorak Keagamaan bersempena Sambutan Maulidur Rasul Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi malam ke-10 diteruskan lagi malam tadi di Istana Nurul Iman.

Hadir di ruangan lelaki pada majlis berkenaan, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, yang juga selaku Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-piasau, Daerah Temburong; dan Timbalan Setiausaha Tetap 1, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Awang Haji Mohammad Yusree bin Haji Junaidi.

Majlis dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah, diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Sayyidul Istighfar dan disusuli dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Pegawai Pelajaran, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Awang Ahmad Syuja'iee bin Begawan Mudim Haji Metassim.

Majlis turut diserikan lagi dengan tazkirah bertajuk 'Sirah Zaman Menjelang Kerasulan' yang disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Muskrisman Safari bin Haji Mustapa, yang juga Ketua Unit Da'wah Daerah Belait.

Persembahan dikir seterusnya mengalunkan Dikir Assalamualaika dan Dikir Asyraqal, diikuti Dikir Khairuman, Dikir Bisyahrin, Dikir Al-Hamdu dan Dikir Badat, sebelum majlis diakhiri dengan bacaan Doa Dikir serta Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Sementara di ruangan wanita, tazkirah bertajuk 'Sirah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Ketika Diangkat Menjadi Rasul' disampaikan oleh Penolong Pegawai Ugama, PDI, Dayang Hajah Nur Hasyimah binti Haji Mohd. Yassin.

Hadir pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap, KSSUP, Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab; dan Timbalan Setiausaha Tetap II, KSSUP, Dayang Noralinda binti Haji Ibrahim.

Majlis juga dihadiri oleh pegawai serta kakitangan KSSUP; Majlis Perundingan Kampung (MPK) Daerah Temburong; Kumpulan Belia Masjid (KBM) Masjid-masjid Daerah Temburong, dan Bahagian Pelajaran Lanjutan dan Bahagian Pendidikan Khas Ugama,Jabatan Pengajian Islam, KHEU.

# Pengisytiharan kawasan ruang udara terhad

Siaran Akhbar : Jabatan Penerbangan Awam

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 1 September. - Jabatan Penerbangan Awam ingin memaklumkan orang ramai bahawa sebagai langkah-langkah sekuriti dan keselamatan tambahan, kawasan dalam lingkungan 3 batu nautika (5.56 kilometer) radius dari lokasi di bawah adalah diisytiharkan sebagai kawasan ruang udara terhad pada 6 September 2025.

Kawasan tersebut ialah di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan, Daerah Brunei dan Muara pada 6 September 2025.

Di bawah pengisytiharan ini, pesawat-pesawat udara termasuk dron (pesawat udara kawalan jauh), tidak dibenarkan beroperasi di ruang udara tersebut kecuali yang mendapat keizinan.

Kegagalan untuk mematuhi peraturan ini dianggap sebagai pelanggaran undang-undang dan peraturan Negara Brunei Darussalam, di bawah Seksyen 50 Perintah Penerbangan Awam (CAP 290).

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat lanjut boleh berhubung terus dengan Ketua Bahagian Regulatori, Jabatan Penerbangan Awam, menerusi talian +673 2330142 sambungan 1455 atau e-mel : *unmanned.aircraft@dca.gov.bn*.

Jabatan Penerbangan Awam mengucapkan terima kasih kepada orang ramai di atas kerjasama dan mematuhi pengisytiharan ini.



# MAJLIS DIKIR MAULUD DITERUSKAN DI ISTANA NURUL IMAN

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohammad Hasif Matzin

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 1 September. - Majlis Bercorak Keagamaan bersempena Sambutan Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam bagi malam kesembilan diteruskan lagi malam tadi di Istana Nurul Iman.

Majlis dihadiri oleh pegawai serta kakitangan daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN); Majlis Belia Brunei; Kumpulan Belia Masjid (KBM) Masjid Az-Zakireen, Meragang; Jabatan Pengajian Islam (JPI) Bahagian Sekolah Ugama (Brunei IIB); dan Majlis Perundingan Kampung (MPK) Daerah Tutong (Gabungan Muslimah Masjid Hassanal Bolkiah dan Muslimah Masjid Kiudang).

Hadir pada majlis berkenaan, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman; Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan) di KHEDN, Awang Salminan bin Haji Burut; dan Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah) di KHEDN, Awang Abdul Walid bin Haji Matassan di ruangan lelaki.

Majlis dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah, diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Sayyidul Istighfar dan disusuli dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Awang Ashizal bin Zainal Abidin dari Bahagian Sekolah Ugama (Brunei IIB).

Majlis turut diserikan lagi dengan tazkirah bertajuk 'Menghayati Sunnah Rasulullah' yang disampaikan oleh Pegawai Ugama di Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Nasyith bin Superi.

Persembahan dikir seterusnya mengalunkan Dikir Assalamualaika dan Dikir Asyraqal, diikuti Dikir Khairuman, Dikir Bisyahrin, Dikir Al-Hamdu dan Dikir Badat, sebelum majlis diakhiri dengan bacaan Doa Dikir serta Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Sementara di ruangan wanita, tazkirah bertajuk 'Teladan Keluarga Sakinah Mawaddah Warahmah' disampaikan oleh Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Unit Da'wah Daerah Belait, Dayang Siti Ramziah binti Haji Mohamad Ramli.

Hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan) di KHEDN, Dayang Nor Hamidah binti Haji Hamidon.





**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri semasa hadir pada Majlis Bercorak keagamaan bersempena Sambutan Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam bagi malam kesembilan yang diadakan di Istana Nurul Iman (atas kanan). Manakala gambar kanan, antara yang hadir pada majlis tersebut di ruangan wanita.**

# Memperkukuh kecintaan kepada Al-Quran, sunnah

Berita dan Foto : Nurdiyanah Rajami



**TUTONG**, Selasa, 2 September. - Jabatan Hal Ehwal Masjid melalui Bahagian Hal Ehwal Muslimah dengan kerjasama Pejabat Ugama Daerah Tutong serta Muslimah daripada Kelas Bimbingan Muslimah Masjid Kampung Kupang, Daerah Tutong menganjurkan Majlis Dikir Syarafil Anam sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Kelas Bimbingan Muslimah Masjid-masjid Peringkat Daerah Tutong yang berlangsung di Masjid Kampung Kupang, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, isteri Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Dayang Hajah Nahriah binti Haji Awang Asbi.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat majlis, diikuti dengan tazkirah bertajuk 'Akhlak Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam : Satu Teladan' yang disampaikan oleh Pegawai Ugama skim latihan Skim Perantisan Perkhidmatan Awam (SkiPPA), Dayang Noorhazalina binti Mohiddin.



**ISTERI Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Dayang Hajah Nahriah binti Haji Awang Asbi hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Dikir Syarafil Anam (atas kiri). Manakala gambar atas, suasana pada majlis tersebut.**

Acara turut diserikan lagi dengan persembahan dikir daripada beberapa buah Kelas Bimbingan Muslimah Masjid di Daerah Tutong, iaitu Dikir Assalamualaika daripada Kelas Bimbingan Muslimah Masjid Kampung Kupang, Dikir Khairuman daripada Kelas Bimbingan Muslimah Masjid Kampung Telisai, dan Dikir Bishahrin daripada Kelas Bimbingan Muslimah Masjid Hassanal Bolkiah Pekan Tutong (MHBPT).

Manakala Dikir Alhamdu dipersembahkan oleh Muslimah daripada gabungan Kelas Bimbingan Muslimah Masjid Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah (PAIPAS), Kampung Sungai Kelugos dan Masjid Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, Kampung Sengkarai; Dikir Badat Lana daripada Kelas Bimbingan Muslimah Masjid Kampung Danau dan Dikir Asyraqal daripada gabungan Kelas Bimbingan Muslimah Masjid Kampung Birau dan Masjid Kampung Keriam.

Doa Dikir dipimpin oleh tenaga pembimbing Kelas Bimbingan Muslimah MHBPT, Dayang Siti Nur Atiqah binti Haji Ismail, manakala Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh tenaga pembimbing, Kelas Bimbingan Muslimah Masjid Kampung Kupang, Dayang Hajah Samsiah binti Haji Asmat.

Penganjuran majlis berkenaan bertujuan untuk mengagungkan kelahiran Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam melalui Selawat dan Dikir Syarafil Anam di samping menyemarakkan suasana kerohanian, memperkukuh kecintaan kepada Al-Quran dan sunnah, memupuk ukhuwah Islamiah dalam kalangan Muslimah serta mengukuhkan peranan masjid sebagai pusat bimbingan rohani dan pembangunan masyarakat Islam.



# MAJLIS DIKIR MEMPERKUKUH UKHUWAH WARGA MTIC

**Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 2 September. - Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) dan jabatan-jabatan serta agensi-agensi pihak berkuasa di bawahnya pada malam tadi menghadiri Majlis Dikir sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang diadakan di Masjid Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Majlis berkenaan dianjurkan oleh Ahli Jawatakankuasa Takmir (AJKT) Masjid dan Muslimah Masjid UBD dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Pos, MTIC.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, selaku ketua rombongan MTIC.

Turut hadir, Setiausaha Tetap di MTIC, Ir. Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof; Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi) di MTIC, Awang Haji Hairul Mohd. Daud bin Haji Abdul Karim; dan Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan) di MTIC, Awang Haji Mohammad Salihin bin Haji Aspar.



**YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir selaku tetamu kehormat majlis.**

Juga hadir sama bagi memeriahkan lagi majlis berkenaan ialah ketua-ketua eksekutif, ketua-ketua jabatan dan bahagian, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan MTIC, jabatan-jabatan serta agensi-agensi pihak berkuasa di bawahnya di samping Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid dan Muslimah Masjid.

Majlis Dikir Maulud dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, diikuti dengan bacaan Dikir Assalammualaika dan Dikir Syarafil Anam.

Setelah Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah, majlis diteruskan lagi dengan Dikir Asyrakal, dan bacaan Doa Dikir dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Majlis berkenaan diadakan bagi memperingati kelahiran Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta menyemarakkan syiar Islam dan memperkukuh ukhuwah dalam kalangan warga kementerian dan masyarakat.



**ANTARA para jemaah wanita yang hadir di majlis berkenaan.**

# Majlis Persembahan Dikir semarak Maulud Nabi





**YANG Mulia TIMBALAN Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Persembahan Dikir Syarafil Anam tersebut (atas), manakala gambar bawah, suasana sekitar majlis berkenaan.**

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**SERUSOP,** Isnin, 1 September. - Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan di dalamnya mengadakan Majlis Persembahan Dikir Syarafil Anam bersempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1447 Hijrah bertempat di Masjid Mohamed Bolkiah, Kampung Serusop, lewat petang tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Persembahan Dikir Syarafil Anam tersebut ialah Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid.

Turut hadir ialah Pemangku Setiausaha Tetap (Fiskal I), Timbalan Setiausaha Tetap (Perdagangan dan Industri), ketua-ketua jabatan dan bahagian, pegawai dan kakitangan lelaki Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan di dalamnya.

Persembahan Dikir Syarafil Anam adalah untuk menyemarakkan lagi Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di samping bagi mengenang jasa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam memperjuangkan syiar Islam sekali gus menyuntik rasa kecintaan kepada Junjungan Besar, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Sebelumnya, Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengadakan majlis yang sama pada Sabtu, 30 Ogos 2025 bertempat di Masjid Pengiran Muda 'Abdul Malik, Kampung Tungku Katok.

Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah diselenggarakan oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

# Dikir Maulud terus semarakkan Maulidur Rasul



**SESI bergambar ramai pada majlis tersebut yang diadakan di Masjid Universiti Brunei Darussalam.**

**Siaran Akhbar dan Foto :**
**Masjid Universiti, Universiti Brunei Darussalam**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 2 September. - Masjid Universiti Brunei Darussalam (UBD) dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) Masjid dan Muslimah Masjid meneruskan Dikir Maulud sempena memperingati hari kelahiran junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Majlis Dikir Maulud berkenaan diserikan lagi dengan kehadiran rombongan jemputan dari Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dan Kumpulan Muslimah Masjid Omar 'Ali Saifuddien (MOAS).

Hadir selaku ketua rombongan ialah Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, Awang Junaidi bin Haji Masri.

Mengiringi rombongan ialah Pemangku Penolong Pengarah Urusan 1 dan Pemangku Ketua Pegawai Operasi, BIBD, Awang Haji Mohd. Yusri bin Haji Wahsalfelah, bersama ahli rombongan.

Sementara hadir selaku ketua rombongan dari TAIB, Ketua Perbankan Retail Perbadanan TAIB, Awang Haji Mohammad Zainolamin bin Haji Zainie, bersama ahli rombongan.

Manakala hadir selaku ketua rombongan Kumpulan Muslimah MOAS, Ketua Muslimah MOAS, Dayang Rapinah binti Hidup. Turut mengiringi ialah Guru Pembimbing Muslimah MOAS, Dayang Nurhafizah binti Haji Ismadi berserta rombongan.

Majlis dimeriahkan lagi dengan kehadiran AJKT Masjid, Muslimah Masjid dan orang awam bagi sama-sama mengimarahkan masjid.

Dikir Maulud berkenaan diadakan selama 12 malam berturut-turut sehingga 4 September 2025 ini. Bulan Rabiulawal adalah bulan yang ditunggu-tunggu oleh umat Islam di seluruh dunia, bulan yang penuh keberkatan kerana di dalamnya terdapat hari kelahiran Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Di samping mengimarah dan menghidupkan masjid pada malam-malam sebelum tarikh kelahiran Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, usaha berkenaan diharap akan dapat memupuk dan mengeratkan lagi ukhuwah islamiah dalam kalangan masyarakat di semua peringkat umur dan menanam nilai keislaman dalam kehidupan seharian.

Diharap ia juga akan dapat melatih masyarakat untuk sentiasa mengingati tarikh kelahiran Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

# JPM BERDIKIR DI MASJID KAMPUNG LABU ESTATE



YANG Mulia Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di Jabatan Perdana Menteri semasa hadir pada Majlis Dikir di Masjid Kampung Labu Estate.

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**
**Foto : Mohammad Hasif Matzin**

**TEMBURONG**, Selasa, 2 September. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya lewat petang tadi meneruskan lagi Majlis Dikir sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di Masjid Kampung Labu Estate, di sini.

Hadir ialah Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu.

Atur cara didahului dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diketuai oleh Imam Masjid Kampung Labu Estate.

Acara diteruskan dengan bacaan wirid, doa dan bacaan Surah Al-Fatihah, dan diserikan dengan persembahan Dikir Asalamualaika serta Dikir Syarafil Anam daripada kumpulan dikir Jabatan Radio Televisyen Brunei.

Seterusnya, acara diikuti dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah, persembahan Dikir Marhaban, bacaan doa memohon kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar negara terselamat daripada bala bencana dan segala jenis penyakit, serta bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darusalam.

Majlis diakhiri dengan penyerahan sumbangan wakaf oleh Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di JPM kepada wakil Masjid Kampung Labu Estate.

Sambutan pada tahun ini dianjurkan bersama oleh Bahagian Sekuriti dan Undang-Undang JPM dan Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.




# Perkongsian ilmu berhadapan cabaran digital



**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**LAMBAK KANAN**, Isnin, 1 September. - Seiring dengan hala tuju Wawasan Brunei 2035, kita hendaklah memastikan semua lapisan masyarakat mendapat manfaat daripada pembangunan digital negara. Ini termasuklah warga emas, yang tetap menjadi tunjang penting dalam keluarga dan masyarakat kita.

Berucap pada Majlis Pembukaan Bengkel Mengenali Kecerdasan Buatan (AI) bagi Warga Emas, Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee seterusnya berkata bahawa hari ini kita membincangkan mengenai AI. Kedengarannya mungkin sesuatu yang besar dan rumit tetapi sebenarnya ramai di antara kita sudah pun menggunakannya.

"Apabila Facebook atau YouTube mencadangkan video masakan kegemaran atau lagu lama yang membangkitkan kenangan, apabila telefon pintar kita meramal perkataan seterusnya ketika menaip, atau ketika kehidupan harian dipermudahkan seperti memakai suara kita sahaja untuk memadam lampu, itulah AI yang membantu kita tanpa kita menyedarinya.

"Namun, dalam masa yang sama, AI juga membawa cabaran dan risiko yang perlu kita beri perhatian. Antara risikonya ialah panggilan atau video palsu seperti *deepfake*.

"Penjenayah siber menggunakan AI untuk meniru suara atau wajah anak dan cucu kita, meminta pertolongan atau wang dengan segera. Ia kelihatan benar tetapi sebenarnya satu penipuan. Selain itu ialah penipuan pelaburan palsu. Ramai orang menjadi mangsa melalui mesej mesra di Facebook atau WhatsApp. Pada awalnya kelihatan seperti perbualan biasa, tetapi akhirnya mereka dipujuk masuk ke skim pelaburan palsu," jelas beliau.

Yang Berhormat seterusnya menegaskan, inilah sebabnya program hari ini amat penting, kerana bukan hanya sekadar memperkenalkan manfaat AI tetapi juga mengongsikan ilmu dan memberi keyakinan untuk berhadapan dengan cabaran digital.





YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) hadir pada Majlis Pembukaan Bengkel Mengenali Kecerdasan Buatan (AI) bagi Warga Emas (atas kiri). Manakala gambar atas dan bawah kiri, sekitar majlis tersebut.

Bengkel Mengenali AI bagi Warga Emas ini adalah merupakan anjuran Kumpulan WELEARN.AI (Warga Emas Learning AI) dan telah diadakan hari ini bertempat di Dewan Kemasyarakatan Lambak Kanan 2, Berakas.

Bengkel ini merupakan salah satu daripada Community Outreach Project dikendalikan di bawah Program Pembangunan Eksekutif bagi Pegawai-pegawai Pengurusan Pertengahan Kali Ke-36 (EDPMMO-36) yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai AI dan seterusnya menggalakkan penggunaannya secara positif khususnya dalam kalangan warga emas.

Hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pembukaan Bengkel tersebut ialah Ahli MMN, Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee.

Bengkel turut menyaksikan penglibatan daripada Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Cyber Security Brunei, Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) dan Payung Aman sebagai penceramah.

Bengkel turut mendapat sokongan daripada rakan-rakan kongsi dan penaja-penaja terdiri daripada BIBD, Imagine Sdn. Bhd., Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), Payung Aman, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Pusat Kegiatan Warga Emas Daerah Brunei dan Muara serta Pertubuhan WARGAMAS Brunei.

# PASTIKAN KELANCARAN MAJLIS PERHIMPUNAN, PERARAKAN MAULUD NABI

**Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan**





**SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama selaku Pengerusi Jawatankuasa Kerja Perhimpunan dan Perarakan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara Tahun 1447 Hijrah semasa mempengerusikan perjumpaan berkenaan (kanan), manakala gambar kiri, wakil ketua-ketua pasukan yang hadir pada perjumpaan berkenaan.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 1 September. - Bagi memastikan kelancaran perjalanan majlis Perhimpunan dan Perarakan bagi Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara Tahun 1447 Hijrah, satu perjumpaan bersama wakil ketua-ketua pasukan diadakan pagi tadi di Dewan Multaqa, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Perhimpunan dan perarakan berkenaan yang diadakan serentak di keempat-empat daerah tersebut akan diadakan pada hari Sabtu, 13 Rabiulawal 1447 Hijrah bersamaan 6 September 2025 Masihi bermula pukul 7.00 pagi dengan tumpuan utama di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan.

Perjumpaan berkenaan dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, selaku Pengerusi Jawatankuasa Kerja Perhimpunan dan Perarakan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara Tahun 1447 Hijrah.

Perjumpaan berkenaan diadakan bertujuan untuk menerangkan mengenai format perhimpunan dan perarakan kepada ketua-ketua pasukan yang akan mengambil bahagian dalam acara tersebut.

Beberapa agensi kerajaan turut menyampaikan taklimat termasuk Jabatan Adat Istiadat Negara, Pasukan Polis Diraja Brunei, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kementerian Kesihatan, Pengerusi Bersama Kenderaan dan Pengangkutan serta agensi-agensi berkaitan yang lain.

Pada tahun ini, perhimpunan, perarakan dan perbarisan dibahagikan kepada lima kategori iaitu; Pasukan Tidak Bernombor, kementerian - kementerian, Institusi Pengajian Tinggi / Maktab / Sekolah Menengah / Sekolah Arab / Sekolah Menengah Swasta, Kampung dan Masjid serta Persatuan dan Sektor Swasta.

Dengan adanya taklimat ini, diharapkan semua ketua pasukan akan memperoleh kefahaman yang jelas mengenai perkara - perkara berkaitan, seterusnya menyalurkan maklumat tersebut kepada ahli pasukan masing-masing bagi memastikan kelancaran dan kesempurnaan perjalanan perhimpunan dan perarakan pada tahun ini.







# Majlis Dikir anjuran KHEDN di Balai Ibadat Kampung Sibut



**PEMANGKU Pegawai Daerah Temburong hadir selaku ketua rombongan pada majlis dikir berkenaan.**

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**TEMBURONG**, Isnin, 1 September. - Majlis Dikir Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi di Daerah Temburong telah diadakan bertempat di Balai Ibadat Kampung Sibut, Temburong.

Hadir selaku ketua rombongan majlis ialah Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Hassan Baha bin Haji Umar.

Majlis dimulai dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, diikuti bacaan Dikir Maulud serta Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam (NBD).

Majlis diakhiri dengan bacaan doa agar NBD terselamat daripada bala dan segala penyakit.

Objektif majlis diadakan adalah bagi sama-sama menyemarakkan lagi sambutan hari-hari kebesaran Islam dan memeriahkan lagi suasana Sambutan Maulidur Rasul serta menggalakkan warga kementerian untuk terus berselawat dan memuji Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Turut hadir di majlis tersebut Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara daripada kalangan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung di Daerah Temburong, ketua-ketua jabatan, pemangku daerah temburong, pegawai - pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya serta Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung, Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid dan Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung.

Pelita Brunei

# Adab Menguap

**(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)**

**MENGUAP** menurut Mu'jam al-Lughah al-'Arabiyah al-Mu'asharah ialah perbuatan membuka mulut dan menutupnya dengan gerakan luar kawalan disebabkan malas, mengantuk atau kebosanan. Manakala menurut Kamus Dewan pula, menguap bererti membuka mulut lebar-lebar dan mengeluarkan nafas sebab mengantuk dan lain-lain.

Sekalipun perbuatan menguap ini hanya satu refleks biasa dan kelihatan seperti satu perkara yang remeh, namun satu perkara yang mungkin belum diketahui sebilangan orang ialah perbuatan menguap adalah satu perbuatan yang tidak disukai oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Perkara ini menimbulkan persoalan kerana pada kebiasaannya kita tidak dapat mengelakkan daripada menguap dan ia boleh berlaku pada bila-bila masa termasuk ketika sedang melakukan ibadah seperti sembahyang dan sebagainya. Tambahan pula, menurut para ulama asy-Syafi'iyyah, perbuatan menguap boleh menjadi makruh sama ada di dalam sembahyang atau di luar sembahyang. Oleh yang demikian, apakah yang perlu dilakukan oleh seseorang apabila dia menguap bagi mengelakkan daripada melakukan perbuatan makruh yang tidak disukai Allah *Subhanahu wa Ta'ala* itu?

Islam sebagai ugama yang syumul telah memberikan panduan dan adab dalam perkara menguap ini. Apabila seseorang terasa hendak menguap, perkara yang sunat dilakukan oleh orang yang menguap ialah menahan kuapnya itu semampu yang boleh kerana menurut al-'Allamah asy-Syaikh Sulaiman al-Jamal *Rahimahullah* dalam Hasyiyah al-Jamal 'ala Syarh al-Manhaj, menguap yang dimakruhkan itu ialah apabila seseorang menguap sedangkan dia mampu menahan kuapnya. Beliau berkata :

**Ertinya** : *Dan dimakruhkan menguap sekiranya dia boleh menahannya.*

Menahan dari menguap ini sekalipun dituntut dalam setiap keadaan, namun tuntutan menahan dari menguap ini dalam sembahyang, menurut Imam Ibn al-Murabbi *Rahimahullah* adalah lebih utama.

Tuntutan menahan dari menguap ini adalah berdasarkan hadits daripada Abu Hurairah *Radhiallahu 'anhu* bahawasanya Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda :

**Maksudnya** : *Sesungguhnya Allah menyukai bersin dan membenci menguap. Maka apabila seseorang bersin lalu dia memuji Allah (dengan mengucap "الحمد لله", maka adalah menjadi hak (suatu tuntutan) ke atas setiap orang muslim yang mendengarnya untuk mengucap tasymit (mendoakan rahmat dengan mengucap "يرحمك الله") untuknya. Adapun menguap pula, maka ia adalah daripada syaitan. Oleh yang demikian, hendaklah seseorang menahannya sedaya upayanya. Maka apabila dia mengucap "haa" (ketika menguap), syaitan akan mentertawakannya.*

(Hadits riwayat al-Bukhari)

Adapun sebab Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menyukai bersin dan membenci menguap ialah kerana bersin mampu mengawal syahwat dan memudahkan seseorang beribadah manakala menguap pula sebaliknya. Hal ini kerana menguap itu pada kebiasaannya berlaku ketika seseorang dalam keadaan kenyang dan badannya menjadi berat, lesu dan malas. Oleh kerana itu, menurut Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitabnya *al-Minhaj Fi Syarh Shahih Muslim*, hadits di atas juga merupakan suatu peringatan supaya tidak melampau-lampau dalam pemakanan dan tidak terlalu banyak makan.

Menurut Imam Ibn Baththal *Rahimahullah*, sebagaimana yang dinukil oleh al-Imam al-Hafizh Ibn Hajar al-'Asqalani *Rahimahullah* dalam kitabnya Fath al-Bari, maksud ayat "menguap itu adalah daripada syaitan" sepertimana yang disebut dalam hadits di atas ialah syaitan menyukai dan menghendakinya. Ini membawa maksud bahawa syaitan suka melihat seseorang menguap kerana ketika menguap rupa seseorang akan berubah lalu syaitan pun mentertawakannya.

Al-'Allamah asy-Syaikh Sulaiman al-Jamal *Rahimahullah* juga ada menyebut dalam Hasyiyah al-Jamal 'ala Syarh al-Manhaj bahawa syaitan mentertawakan orang yang menguap dengan mulut ternganga kerana syaitan gembira rupa orang itu menjadi hodoh dan buruk ketika menguap seperti itu.

Berdasarkan hadits di atas, menurut para ulama antaranya Imam al-'Allamah Zainuddin al-Malibari *Rahimahullah*, sunat ke atas orang yang menguap untuk menahan kuapnya itu. Beliau berkata dalam kitabnya Fath al-Mu'in :

**Ertinya** : *Dan disunatkan ke atas orang yang menguap untuk menahan kuapnya itu sedaya upayanya.*

Selain disunatkan untuk menahan dari menguap, disunatkan juga ke atas orang yang menguap untuk menutup mulutnya dengan tangan ketika menguap. Perkara ini berdasarkan hadits yang diriwayatkan daripada Abu Sa'id al-Khudri *Radhiallahu 'anhu*, bahawasanya Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* telah bersabda

**Maksudnya** : *Apabila seseorang daripada kamu menguap, maka hendaklah dia menutup mulutnya dengan tangannya, kerana sesungguhnya syaitan masuk (ke dalam mulutnya).*

(Hadits riwayat Muslim)

Menurut al-Imam al-Hafizh al-'Iraqi dan al-Imam al-Hafizh Ibn Hajar al-'Asqalani *Rahimahumallah*, perintah menutup mulut dengan tangan ketika menguap ini merangkumi perintah untuk menutupnya dalam dua keadaan berikut :

(i) Menutup mulut dengan tangan ketika mulut terbuka semasa menguap.

(ii) Menutup mulut dengan tangan ketika mulut tertutup, iaitu bagi menahannya dari terbuka kerana menguap.

Ini bermaksud, tuntutan sunat menutup mulut ketika menguap itu bukan hanya ketika mulut terbuka, bahkan sunat menutup mulut dengan tangan supaya mulut tidak terbuka ketika menguap.

Menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah*, menutup mulut ketika menguap itu boleh dilakukan sama ada dengan menggunakan tangan kanan atau tangan kiri dan kedua-duanya menepati tuntutan sunnah tanpa ada perbezaan antara keduanya.

Sebahagian ulama asy-Syafi'iyyah seperti Imam Ibn al-Mulaqqin, Imam Zainuddin al-Malibari dan Imam al-Kabir *Rahimahumullah* pula menyebut bahawa yang disunatkan ketika menguap itu ialah menutup mulut menggunakan tangan kiri sama ada dengan tapak tangan kiri atau belakangnya. Hikmah menggunakan tangan kiri yang pada kebiasaannya digunakan untuk perkara-perkara yang hina dan kotor ini bertepatan dengan tujuan pensyariatannya iaitu untuk menahan dan menolak makhluk yang terkutuk iaitu syaitan kerana kejijikannya. Oleh yang demikian, melakukannya dengan tangan kiri adalah lebih utama dan lebih sempurna kerana perbuatan menolak perkara yang keji dan menjijikkan lebih sesuai dilakukan dengan menggunakan tangan kiri.

Walau bagaimanapun, menurut Imam ar-Ramli *Rahimahullah*, sekalipun menutup mulut menggunakan tangan kiri ketika menguap adalah lebih utama, namun menurut pendapat al-awjah, melakukannya dengan tangan kanan adalah juga menepati tuntutan sunnah menutup mulut ketika menguap.

Imam al-Munawi *Rahimahullah* dalam kitabnya Faidh al-Qadir ada juga menyebut bahawa menurut sebahagian ulama, menutup mulut dengan tangan kiri menggunakan belakang tapak tangan adalah lebih sempurna. Manakala bagi orang yang menutup mulut dengan tangan kanan pula, menurut satu pendapat, hendaklah dia menggunakan tapak tangan kanannya.

Bahkan menurut al-Imam al-Hafizh Ibn Hajar al-'Asqalani *Rahimahullah* dalam kitabnya Fath al-Bari, menutup mulut ketika menguap juga boleh dilakukan dengan baju dan sebagainya.

Menurut al-Qadhi 'Iyadh *Rahimahullah*, perintah Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* supaya menahan dari menguap serta perintah Baginda untuk meletakkan tangan di mulut ketika menguap ini ialah




supaya syaitan tidak dapat melaksanakan keinginan buruknya terhadap seorang muslim seperti keinginannya supaya rupa seseorang menjadi hodoh ketika menguap, keinginannya untuk masuk ke mulut orang yang menguap dan mentertawakan orang yang mengeluarkan bunyi menguap.

Mengenai perkara menutup mulut ketika menguap ini, sekiranya seseorang menguap dalam sembahyang, adakah dia juga disunatkan untuk menutup mulutnya sedangkan menurut para ulama asy-Syafi'iyyah, perbuatan menutup mulut ketika bersembahyang hukumnya adalah makruh? Mengenai perkara ini Imam an-Nawawi *Rahimahullah* menjelaskan dalam kitabnya al-Majmu' :

**Ertinya** : *Dan dimakruhkan bagi seorang lelaki bersembahyang dalam keadaan menutup sebahagian muka iaitu menutup mulutnya sama ada dengan tangannya atau selainnya. Dan dimakruhkan (juga) meletakkan tangannya di atas mulutnya ketika bersembahyang, melainkan ketika dia menguap. Adapun sunnah (ketika menguap) ialah meletakkan tangan di atas mulutnya.*

Dari penjelasan Imam an-Nawawi *Rahimahullah* di atas, jelas bahawa sekalipun orang yang bersembahyang dimakruhkan untuk menutup mulut, namun terdapat pengecualian dalam ketetapan tersebut ke atas orang yang menguap. Bahkan sunat hukumnya ke atas orang yang bersembahyang untuk menutup mulut ketika menguap sebagaimana ia juga disunatkan di luar sembahyang.

Bahkan menurut al-Imam al-Hafizh Ibn Hajar al-'Asqalani *Rahimahullah* dalam kitabnya Fath al-Bari, menutup mulut dengan tangan, baju dan seumpamanya ketika menguap ini adalah lebih kuat tuntutannya dalam sembahyang.

Adapun ketetapan makruh menutup mulut ketika sembahyang itu adalah jika ia dilakukan tanpa hajat dan keperluan. Jika terdapat hajat untuk melakukannya seperti bagi menunaikan tuntutan sunat menutup mulut ketika menguap, maka hukumnya tidak makruh bahkan sunat sepertimana juga keadaannya ketika di luar sembahyang.

Menurut al-Imam al-Hafizh Ibn Hajar al-'Asqalani *Rahimahullah* dalam kitabnya Fath al-Bari, selain tuntutan menutup mulut ketika menguap, antara perkara yang juga dituntut ke atas orang yang menguap dalam sembahyang ialah berhenti daripada membaca ayat-ayat al-Qur'an sehingga dia selesai menguap supaya tidak menjadi rosak atau berubah bacaannya itu.

Berdasarkan penjelasan mengenai adab-adab ketika menguap yang dinyatakan di atas, jelas bahawa setiap adab-adab yang digariskan oleh Islam pasti mempunyai hikmah-hikmah tersendiri yang adakalanya tujuan pensyariatannya tidak tercapai oleh akal manusia. Adab-adab mengenai menguap ini serta adab-adab lain yang digariskan oleh Islam sewajarnya dilakukan secara istiqamah dan dijadikan amalan hidup kerana kesemuanya itu selain mendatangkan pahala kepada pengamalnya, ia juga mempunyai hikmah-hikmah yang tersendiri.

**ADAPUN sebab Allah Subhanahu wa Ta'ala menyukai bersin dan membenci menguap ialah kerana bersin mampu mengawal syahwat dan memudahkan seseorang beribadah manakala menguap pula sebaliknya. Hal ini kerana menguap itu pada kebiasaannya berlaku ketika seseorang dalam keadaan kenyang dan badannya menjadi berat, lesu dan malas. Oleh kerana itu, menurut Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitabnya *al-Minhaj Fi Syarh Shahih Muslim*, hadits di atas juga merupakan suatu peringatan supaya tidak melampau-lampau dalam pemakanan dan tidak terlalu banyak makan. Menurut Imam Ibn Baththal *Rahimahullah*, sebagaimana yang dinukil oleh al-Imam al-Hafizh Ibn Hajar al-'Asqalani *Rahimahullah* dalam kitabnya Fath al-Bari, maksud ayat "menguap itu adalah daripada syaitan" sepertimana yang disebut dalam hadits di atas ialah syaitan menyukai dan menghendakinya. Ini membawa maksud bahawa syaitan suka melihat seseorang menguap kerana ketika menguap rupa seseorang akan berubah lalu syaitan pun mentertawakannya.**

# MENINJAU PELAKSANAAN PENGAJARAN, PEMBELAJARAN AGAMA





**SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama semasa membuat Lawatan Kerja ke Sekolah Ugama Antarabangsa Islamik Miftah An-Nur, Sungai Akar (atas dan atas kiri).**

**Berita dan Foto : Nurdiyanah Rajami**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 1 September. - Sempena permulaan Sesi Persekolahan Antarabangsa Tahun 2025 / 2026 Masihi, rombongan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) petang tadi mengadakan Lawatan Kerja ke Sekolah - sekolah Ugama Antarabangsa di Daerah Brunei dan Muara.

Lawatan antara lain bertujuan untuk meninjau pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran agama di institusi-institusi pendidikan berkenaan agar sentiasa relevan, berkualiti dan mampu menyumbang kepada pembinaan generasi yang celik Al-Quran, berakhlak mulia serta berdaya saing.

Sehubungan itu, Lawatan Kerja ke Sekolah Ugama Antarabangsa Islamik Miftah An-Nur, Sungai Akar diketuai oleh Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim. Ketibaan rombongan dialu-alukan oleh Guru Besar sekolah tersebut, Dayang Hajah Siti Sharifah binti Haji Awang Mohammad.

Antara pengisian lawatan ialah meninjau bilik-bilik darjah di mana ketua rombongan berpeluang berinteraksi secara langsung dengan murid-murid serta guru-guru darjah. Lawatan diakhiri dengan sesi muzakarah bersama pihak pentadbiran sekolah.

Dalam masa yang sama, Lawatan Kerja serupa turut diadakan ke Sekolah Ugama Antarabangsa Jerudong (JIS) yang diketuai oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar.

Sementara Lawatan Kerja ke Sekolah Ugama Antarabangsa Brunei (ISB) diketuai oleh Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim. Lawatan-lawatan Kerja tersebut turut disertai oleh para pegawai kanan dari Jabatan Pengajian Islam, KHEU.

# Perkasa belia dengan kemahiran keusahawanan, kerjasama silang budaya

**Siaran Akhbar : Universiti Brunei Darussalam**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 1 September. - Penyelesaian iklim yang inovatif diketengahkan pada hari pembentangan akhir dan Majlis Penutupan 'ASEAN-China-India Youth Leadership Summit (ACIYLS) 2025: Sustainability Startathon Brunei Darussalam Round' diadakan di Bangunan Tambahan Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah (PAPRSB IHS), Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Acara dianjurkan oleh rakan kongsi negara ACIYLS 2025 - ThinkX Global and Growth Ensemble, serta OSG Youth Alliance dan Resolute Communications, dengan kerjasama UBD, Sekretariat SDG Brunei Darussalam, dan Pejabat Sekretariat Perubahan Iklim Brunei.

Ia menandakan kemuncak minggu persiapan intensif yang bermula pada 7 Jun hingga 16 Ogos 2025, di mana pemimpin belia berumur antara 18 dan 25 dari seluruh Negara Brunei Darussalam (NBD) berkumpul untuk membangunkan penyelesaian praktikal dan inovatif di bawah tema 'Cultivating Climate-Positive Cities'.

Inisiatif ini secara langsung sejajar dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, khususnya SDG 11 (Bandar dan Komuniti Lestari) dan SDG 13 (Tindakan Iklim), mencerminkan komitmen NBD terhadap kelestarian dan Wawasan Brunei 2035.

The Sustainability Startathon adalah program serantau unik yang terdiri daripada satu siri bengkel yang diadakan selama enam minggu diikuti dengan separuh akhir selama dua hari. Ia direka untuk mencabar minda muda dari Negara Anggota ASEAN, Republik Rakyat China, dan Republik India untuk merangka iklim positif, penyelesaian yang diterajui belia untuk isu kemampanan yang mendesak di seluruh Asia.

Selain itu, ia merupakan platform pembinaan kapasiti, yang memperkasakan belia dengan kemahiran keusahawanan, pemikiran kritis dan kerjasama silang budaya.

Melalui bimbingan pakar industri, ahli akademik dan pemimpin kemampanan, peserta digalakkan untuk bertukar-tukar idea kreatif kepada penyelesaian yang boleh dilaksanakan, berskala dan berkesan yang menangani masalah dunia sebenar.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Setiausaha Tetap (Kebeliaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin.

Majlis turut dihadiri Pemangku Naib Canselor UBD, Profesor Dr. Haji Noor Azam bin Orang Kaya Maha Bijaya (OKMB) Haji Othman bersama ahli pasukan pengurusan kanan.

Turut menyampaikan ucapan pada acara tersebut ialah Penganjur ACIYLS 2025, Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengasas Resolute Communications, Gina Pang dan Pengarah di Pejabat Penolong Naib Canselor (Penglibatan Industri dan Pembangunan Perusahaan), UBD, Dr. Annie Dayani binti Haji Ahad, yang menekankan kepentingan inovasi, keusahawanan, dan kepimpinan belia dalam menangani cabaran iklim.

Pertandingan ini melibatkan mentor dan hakim terkemuka daripada pemimpin industri, usahawan, pembuat teknologi inovatif, pakar utama dari Sekretariat SDG dan Pejabat Perubahan Iklim Brunei, serta Jawatankuasa SDG UBD dan kakitangan akademik.

Para hakim menilai penyelesaian berdasarkan kriteria seperti pengenalpastian maklum balas, kebolehlaksanaan, kebolehskalaan, pengukuran impak dan keaslian. Di luar penilaian, hakim juga memberikan maklum balas dan galakan yang membina, membentuk perjalanan keusahawanan peserta dan mengukuhkan komitmen mereka terhadap kemampanan.

Hari pembentangan akhir itu mempamerkan persembahan inovatif lima pasukan finalis daripada 16 pasukan, yang terdiri daripada pelajar yang datang dari universiti berbeza termasuk UBD diikuti dengan perbincangan juri dan penganugerahan pemenang.

Pasukan yang menang menunjukkan bukan sahaja penyelesaian kreatif tetapi juga pendekatan praktikal yang boleh diguna pakai di seluruh rantau untuk membina bandar yang mampan dan berdaya tahan.

Tiga pasukan teratas memenangi tiket pergi balik ke Singapura untuk Grand Final ACIYLS 2025 yang dijadualkan berlangsung dari 26 hingga 31 Oktober. Pasukan yang mewakili NBD ialah 'PhytoBrunei', 'Botanovi', dan 'Brewcycle'.

Majlis diakhiri dengan sesi bergambar ramai, sesi rangkaian, dan kata-kata semangat untuk para peserta untuk terus memajukan projek mereka melangkaui persaingan, menyumbang secara bermakna kepada agenda kemampanan global.

# Lawatan kerja ke Sekolah Ugama Antarabangsa Jerudong



**TIMBALAN Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama semasa mengadakan Lawatan Kerja ke Sekolah-sekolah Ugama Antarabangsa di Daerah Brunei dan Muara.**

**Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 1 September. - Sempena permulaan Sesi Persekolahan Antarabangsa Tahun 2025 / 2026 Masihi, rombongan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) petang tadi mengadakan Lawatan Kerja ke Sekolah-sekolah Ugama Antarabangsa di Daerah Brunei dan Muara.

Lawatan kerja ke Sekolah Ugama Antarabangsa Jerudong (JIS) diketuai oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar.

Ketibaan rombongan dialu-alukan oleh Guru Besar sekolah tersebut, Dayang Hajah Noraidah binti Haji Tengah.

Pengisian lawatan termasuk meninjau bilik-bilik darjah di mana ketua rombongan berpeluang berinteraksi secara langsung dengan murid-murid serta guru-guru darjah. Lawatan juga diisikan dengan sesi muzakarah bersama pihak pentadbiran sekolah.

Antara kemudahan yang terdapat di sekolah berkenaan seperti Bilik Surau, Sudut Bacaan, Bilik Wudhu, Bilik Bertukar Pakaian turut dikongsikan oleh Guru Besar sekolah semasa sesi muzakarah di samping menerangkan mengenai pencapaian murid-murid dari setahun ke setahun.

Lawatan kerja tersebut turut disertai oleh para pegawai kanan dari Jabatan Pengajian Islam, KHEU.

Lawatan antara lain bertujuan untuk meninjau pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran ugama di institusi-institusi pendidikan berkenaan agar sentiasa relevan, berkualiti dan mampu menyumbang kepada pembinaan generasi yang celik Al-Quran, berakhlak mulia serta berdaya saing.

# ITQSHHB RAIKAN 27 GRADUAN PADA MAJLIS KHATAM AL-QURAN

**SETIAUSAHA** **Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Hafaz 30 Juzuk Al-Quran bagi graduan Diploma 'Aliyah Qiraat Sesi Pengajian 2022 hingga 2025 (kanan dan bawah).**

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 2 September. - Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) hari ini meraikan 27 peserta khatam sebagai tanda penghargaan dan pengiktirafan terhadap pencapaian para pelajar yang telah berjaya menghafaz keseluruhan 30 Juzuk Al-Quran.

Justeru itu, Majlis Khatam Hafaz 30 Juzuk Al-Quran bagi graduan Diploma 'Aliyah Qiraat Sesi Pengajian 2022 hingga 2025 diadakan pagi tadi bertempat di Musolla, Kampus Kekal ITQSHHB di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad, yang juga selaku Ahli Lembaga ITQSHHB.

Turut hadir, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Misle bin Haji Abdul Karim; Ahli-ahli Jawatankuasa Akademik dan Peperiksaan Institut, jemputan khas, para pegawai kanan, ibu bapa bakal graduan Diploma 'Aliyah Qiraat serta para pegawai, pensyarah dan guru ITQSHHB.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan surah-surah lazim oleh graduan Diploma 'Aliyah Qiraat yang diraikan, terdiri daripada 19 lelaki dan lapan perempuan, dipimpin oleh Awang Zainal Mustapa bin Jaluddin.

Setelah itu, bacaan Takhtim oleh para pelajar menengah ITQSHHB dan kemudiannya Doa Khatam dibacakan oleh Awang Muhammad Mughni bin Haji Mohd. Salleh, iaitu salah seorang bakal graduan Diploma 'Aliyah Qiraat.

Majlis turut diserikan lagi dengan Dikir Marhaban, dan diteruskan dengan penyampaian sijil khatam hafaz oleh tetamu kehormat majlis disusuli dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Selawat Tafrijiyyah, serta bacaan Doa Selamat dan Doa Peliharakan Sultan yang dipimpin oleh Awang Muhammad Kasyful Nurhilman bin Eddy Eswaddi.

Adapun Majlis Khatam 30 Juzuk Al-Quran graduan Diploma 'Aliyah sesi pengajian 2022 hingga 2025 berkenaan adalah salah satu acara iringan bersempena Haflut Takharruj Ke-13 ITQSHHB yang akan diadakan pada 10 September 2025 di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.



## Wakil DBP hadiri Pertemuan Khas Ketua MABBIM, Mesyuarat Sekretariat MABBIM




**ROMBONGAN diketuai oleh Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), selaku Ketua Perwakilan MABBIM Brunei Darussalam bergambar ramai sebelum berlepas ke Johor Bahru, Malaysia bagi menghadiri Pertemuan Khas Ketua MABBIM dan Mesyuarat Sekretariat Ke-27 MABBIM, 2025.**

Siaran Akhbar dan Foto : Dewan Bahasa dan Pustaka

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 1 September. – Rombongan perwakilan MABBIM Brunei Darussalam bertolak hari ini bagi menghadiri Pertemuan Khas Ketua MABBIM dan Mesyuarat Sekretariat Ke-27 MABBIM, 2025, yang berlangsung selama dua hari bermula pada Selasa dan Rabu, 2 hingga 3 September 2025, bertempat di Hotel Grand Paragon, Johor Bahru, Malaysia.

Rombongan diketuai oleh Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Awang Suip bin Haji Abdul Wahab, selaku Ketua Perwakilan MABBIM Brunei Darussalam.

Pertemuan Khas Ketua MABBIM dan Mesyuarat Sekretariat Ke-27 MABBIM ini akan membincangkan dan menindaklanjuti agenda utama dan gerak kerja Mabbim yang telah disepakati dan dipersetujui dalam Forum Ketua MABBIM Ke-2, 2025 (Sidang Eksekutif Ke-60 MABBIM) yang lalu.

منوجو كريضاءن الله
MENUJU KEREDAAN ALLAH
كلوأن قوسة دعوه اسلاميه

## Akhlak dan keperibadian Rasulullah wajar diteladani

**MAULIDUR** Rasul yang menjadi salah satu hari kebesaran Islam yang disambut meriah di Negara Brunei Darussalam merupakan satu hal terpenting yang patut dikenang sebagai memperingati pengorbanan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam memperjuangkan agama Islam sehingga Baginda mengetepikan kepentingannya sendiri demi menginginkan keselamatan dan kebaikan umatnya.

Walaupun Baginda telah meninggalkan kita sudah sekian lama, namun kekasih Allah ini tetap berada di sanubari umatnya yang beriman. Kemuliaan akhlak Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagaimana yang dicerminkan di dalam Al-Quran, wajib diteladani secara mutlak dan patut dipatuhi sepanjang kehidupan ini. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah At-Taghaabun, ayat 12, yang terjemahan makna ayatnya :

"*Dan taatlah kepada Allah dan taatlah kepada Rasulullah. Maka jika kamu berpaling (daripada mentaati Rasul Kami), sesungguhnya kewajipan Rasul Kami hanyalah menyampaikan (perintah-perintah Allah) dengan nyata*".

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam merupakan seorang pejuang yang gigih dalam mempertahankan Islam. Baginda menyebarkan Islam dengan memperkasakan akidah ummah. Umat Islam diikat dengan erat melalui konsep tauhid, kiblat yang satu, kitab yang satu, pemimpin yang satu. Namun dalam pada itu, Baginda sentiasa diterjah dengan berbagai ancaman musuh Islam yang didalangi oleh orang-orang Yahudi untuk mengkucar-kacirkan pegangan dan fahaman umat Islam. Mereka menggunakan pelbagai pendekatan, antaranya menggunakan isu agama sebagai alat untuk menghancurkan umat Islam dan menghasut sesetengah umat Islam yang lemah imannya untuk menentang ajaran Al-Quran dan sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Terdapat di kalangan umat Islam pada hari ini yang mengaku beriman dengan Allah dan Rasul-Nya, tetapi dalam masa yang sama telah mentafsir Islam mengikut hawa nafsu. Besarnya pengaruh nafsu dan peranan syaitan dalam kehidupan ini terbukti apabila tanpa segan silu mereka mengutamakan kepentingan diri dan kebendaan walaupun ternyata bercanggah dengan Al-Quran dan As-Sunnah. Lebih menyedihkan lagi ada di kalangan mereka hari ini yang langsung tidak sensitif dan sanggup menggadaikan akidah dan masa depan ummah demi kepentingan diri sendiri.

Tanggungjawab dan kuasa untuk mempertahankan kesucian agama Islam terletak di tangan kita. Sebagai penganut Islam, kita memerlukan penghayatan Islam secara menyeluruh. Adalah menjadi tanggungjawab setiap umat Islam untuk menjaga lima perkara iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Salah satu prinsip penting yang mesti dilaksanakan bagi memastikan kedaulatan agama kekal terpelihara ialah dengan menyeru kepada kebaikan dan menghalang kemungkaran. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hajj, ayat 41, yang terjemahan ayatnya :

"*(Iaitu) mereka (umat Islam) yang jika Kami teguhkan kedudukan mereka di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang dan membayar zakat serta mereka menyuruh (berbuat) yang makruf dan melarang daripada (mengerjakan) yang mungkar. Dan kepada Allah jualah kesudahan segala urusan*".

Bersamalah kita menjana peningkatan penghayatan dan ketaatan dalam melaksanakan ajaran yang dibawa oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam serta mempertahankan segala upaya kemuliaan Baginda dari sebarang penghinaan dan memberikan penghormatan sewajarnya dalam tindak seharian kita dan mencontohi akhlak, keperibadian dan teladan yang ditunjukkannya dalam setiap tindakan.

Perjuangan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai pesuruh Allah dan tokoh teragung sepanjang abad di dunia dan di akhirat dalam menegakkan ajaran Allah sewajarnya kita ingati dan kenang jasanya kerana Baginda membawa perubahan besar kepada landskap akidah seluruh kehidupan manusia di dunia. Sehingga ke hari ini peribadi suci Baginda masih dikagumi musuh-musuh Islam. Dari itu sewajarnya kita menjadikan sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai amalan hidup dan meneladaninya serta menempelakkan diri dari perbuatan yang menyimpang dari sifat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang sebenarnya.

# PUPUK SEMANGAT KEHARMONIAN, BINA PERMUAFAKATAN SEJAGAT



**REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal hadir mewakili Negara Brunei Darussalam di Persidangan Antarabangsa Pemimpin Agama Ke-2 2025 dan Majlis Ulama Asia Tenggara Ke-3 bertempat di Selangor dan Kuala Lumpur, Malaysia.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali**

**SELANGOR, MALAYSIA**, Isnin, 1 September. - Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Pejabat Perdana Menteri, Pejabat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) dan Liga Dunia Muslim (Muslim World League), Arab Saudi (Rabitah al-Alam al-Islami) menganjurkan Persidangan Antarabangsa Pemimpin Agama Ke-2 2025 dan Majlis Ulama Asia Tenggara Ke-3 bertempat di Selangor dan Kuala Lumpur, Malaysia baru-baru ini.

Hadir mewakili Negara Brunei Darussalam ke persidangan ini ialah Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal oleh Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, yang juga menyampaikan ucapan pada persidangan tersebut.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim antara lain dalam ucapan perasmian persidangan ini menyeru pemimpin agama dari seluruh dunia agar bersatu membincangkan isu kemanusiaan, keadilan dan keamanan sejagat, sekali gus menegaskan peranan agama sebagai jambatan persefahaman merentasi perbezaan bangsa dan budaya.

Manakala Majlis Ulama Asia Tenggara Ke-3 yang berlangsung pada 29 Ogos 2025 di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi.

Turut hadir pada kedua-dua majlis ini ialah Setiausaha Agung Muslim World League, Tuan Yang Terutama Dr. Mohammad bin Abdulkarim Al-Issa, dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Yang Berhormat Senator Dato' Setia Dr. Haji. Mohd Na'im Haji Mokhtar.

Pada tahun ini, seramai 2000 peserta menghadiri Persidangan Antarabangsa Pemimpin Agama Ke-2 2025 yang terdiri daripada para ulama, cendekiawan, pemimpin politik, ahli parlimen, ahli akademik dan tokoh-tokoh pemimpin agama Islam dan bukan Islam dari dalam dan luar negara dari lebih dari 50 buah negara yang dijemput.

Persidangan ini diadakan bertujuan untuk memupuk semangat keharmonian dalam kalangan penganut pelbagai agama. Memupuk asas yang kukuh agar bersesuaian dengan realiti semasa masyarakat berbilang agama agar masyarakat berinteraksi dengan harmoni bagi mengekalkan kerukunan dan perpaduan hidup bermasyarakat.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk merapatkan hubungan kemanusiaan, mengelakkan jurang kefahaman, memupuk keharmonian, membina permuafakatan, mengukuhkan persahabatan serta kerjasama antara negara dan rakyat, menekankan peranan agama dalam mempromosikan keamanan ke arah menangani dan menyelesaikan semua bentuk konflik yang membawa kepada perpecahan. Keganasan tidak harus diletakkan kepada mana-mana agama kerana semua agama menolak keganasan.

Manakala Majlis Ulama Asia Tenggara Ke-3 pula dihadiri seramai 200 peserta yang terdiri daripada para ulama Islam dari dalam negara dan juga dari negara-negara Asia.

Penganjuran Majlis Ulama Asia Tenggara Ke-3 adalah bertujuan untuk memupuk perpaduan dan nilai-nilai murni serta menghormati perbezaan pelbagai dimensi berdasarkan perlembagaan, teologi dan sosiologi.

Nilai *wasatiyyah* dalam berhadapan dengan pelbagai fahaman dalam mazhab dan tidak menjadikannya sebagai ketakutan, kebencian atau konflik.





**PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) mengetuai rombongan KHEU di Masjid Kampung Keriam.**

# Dikir Maulud, lambang kecintaan terhadap Rasulullah

**Berita dan Foto : Nurdiyanah Rajami**

**TUTONG**, Selasa, 2 September. - Rombongan Dikir Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) meneruskan lagi Majlis Ihya Maulidur Rasul lewat petang tadi di Masjid Kampung Keriam, Daerah Tutong.

Rombongan diketuai oleh Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim.

Turut hadir ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin; pengarah-pengarah; penolong-penolong pengarah; Pemangku Ketua Pegawai Ugama Daerah Tutong, Awang Haji Mohd. Aidil Sufian bin Mohd. Yassin; pegawai-pegawai dan kakitangan dari KHEU, Guru-guru Ugama Daerah Tutong; Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Keriam, Daerah Tutong serta jemaah masjid berkenaan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh ketua rombongan majlis dan diikuti dengan tazkirah disampaikan oleh Imam Masjid Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah (PAIPAS), Kampung Sungai Kelugos, Daerah Tutong, Awang Muhammad Jalaluddin bin Junaidi.

Tazkirah berkenaan antaranya berkisar mengenai kisah Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam menghadapi ujian.

Majlis diserikan dengan persembahan Dikir Assalamualaika daripada Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Keriam dan rombongan KHEU. Kemudian majlis disusuli dengan Dikir Khairuman yang dibawakan oleh Guru-guru Ugama Daerah Tutong dan diteruskan dengan Dikir Alhamdu oleh Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Keriam dan rombongan KHEU.

Sejurus selepas menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah, majlis diteruskan dengan persembahan Dikir Asyraqal. Majlis diakhiri dengan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam yang dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Kampung Keriam, Daerah Tutong, Awang Mohammad Fauzi bin Haji Anuar.

Majlis Dikir Maulud diadakan adalah sebagai lambang kecintaan dan penghormatan umat Islam terhadap Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Selain untuk meraih keberkatan serta limpahan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala, ia juga bertujuan menyemai kesedaran dan keinsafan dalam kalangan umat Islam mengenai jasa dan pengorbanan Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam menyebarkan agama Islam.

Rombongan Dikir KHEU akan berada di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan pada Khamis, 4 September 2025 bagi Majlis Penutup Dikir 12 Malam Berturut-turut bagi Masjid, Surau dan Balai Ibadat Seluruh Negara sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi.

Dengan adanya majlis berkenaan, ia juga dihasrat untuk menjadi wadah bagi mempererat lagi hubungan silaturahim antara pegawai dan kakitangan KHEU bersama jemaah masjid serta penduduk kampung di sekitarnya.

# Rebut ganjaran dengan berselawat

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Ihsan Persatuan Kebajikan Perempuan**

**JERUDONG**, Selasa, 2 September. - Acara senegara dalam mengadakan dikir-dikir di masjid-masjid, surau-surau, balai-balai ibadah sempena memperingati hari kelahiran Junjungan Besar, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang disambut pada setiap 12 Rabiulawal sememangnya memperkukuh jati diri umat Islam di negara ini.

Sehubungan itu, Persatuan Kebajikan Perempuan (PKP) Daerah Belait pagi tadi mengadakan Majlis Dikir Syarafil Anam yang berlangsung di kediaman Naib Yang Dipertua II, Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam, Datin Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali, di Jalan Jerudong, di sini.

Terdahulu Naib Yang Dipertua dalam ucapannya menganjurkan untuk sentiasa berselawat ke atas Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam kerana ia merupakan amalan yang agung dan mempunyai banyak kelebihan serta fadilat utama dalam mengamalkannya.

"Ia juga sebagai menzahirkan rasa tanda cinta *kitani* kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan mencontohi keperibadian Baginda serta dapat mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala, insyaaAllah



**SESI bergambar ramai Persatuan Kebajikan Perempuan (PKP) Daerah Belait yang berlangsung di kediaman Naib Yang Dipertua II, Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam.**

akan mendapat ganjaran berganda di sisi-Nya," ujarnya.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dan kemudian disusuli dengan persembahan dikir-dikir termasuk Assalamualaika, Asyrakal, Khairuman, Bisyahrin, Badat dan lain-lain lagi.

# KEMENTERIAN PENDIDIKAN SEMARAKKAN MAULIDUR RASUL





■ Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

**PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Korporat), Kementerian Pendidikan, Pengiran Dr. Mohammad Iskandar bin Pengiran Haji Petra Hadir selaku tetamu kehormat majlis (atas), manakala gambar atas kanan, sebahagian daripada jemaah yang hadir di majlis dikir berkenaan.**

**MENGKUBAU**, Isnin, 1 September. - Kementerian Pendidikan malam tadi mengadakan Majlis Dikir sempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bertempat di Masjid An-Na'im, Kampung Panchor Mengkubau.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Korporat), Kementerian Pendidikan, Pengiran Dr. Mohammad Iskandar bin Pengiran Haji Petra.

Pada majlis tersebut, tetamu kehormat menyempurnakan penyerahan sumbangan wakaf dari pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan kepada Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid An-Na'im, Kampung Panchor Mengkubau, Awang Muhammad Saifullah bin Haji Rosli.

Majlis kemudian diikuti dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, seterusnya bacaan Surah Al-Fatihah diketuai oleh tetamu kehormat sebagai permulaan bacaan Dikir Assalai.

Sejurus selesai Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah, majlis diteruskan dengan bacaan Dikir Alhamd dan diakhiri dengan Doa Penutup Majlis Dikir dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid An-Na'im, Kampung Panchor Mengkubau.

Antara lain, Majlis Dikir diadakan sebagai salah satu aktiviti tahunan anjuran Kementerian Pendidikan untuk memeriahkan lagi suasana Sambutan Maulidur Rasul dengan berselawat dan memuji ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Majlis juga bertujuan untuk sama-sama menyemarakkan sambutan hari-hari kebesaran Islam di samping dapat mengeratkan hubungan silaturahim sesama pegawai-pegawai dan kakitangan kementerian dengan jemaah masjid.

Turut menghadiri majlis tersebut ialah ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan serta Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid An-Na'im, Kampung Panchor Mengkubau.

Majlis Dikir sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam anjuran Kementerian Pendidikan pada tahun ini dikendalikan bersama oleh Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan - Perkhidmatan; Jabatan Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan; serta Pusat Kerjasama Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (STEP).



# MINDA PEMBACA

## Kebaikan menjadi masyarakat berdisiplin, bertoleransi

**MASYARAKAT** yang berdisiplin serta bertoleransi merupakan asas penting dalam pembentukan sebuah negara yang aman, makmur dan sejahtera. Disiplin bermaksud sikap patuh terhadap undang-undang, peraturan, dan nilai moral, manakala toleransi pula adalah sikap menghormati dan menerima perbezaan antara individu dari pelbagai latar belakang. Kedua-dua nilai ini amat penting dalam kehidupan bermasyarakat, terutamanya dalam negara yang berlandaskan falsafah Melayu Islam Beraja iaitu Negara Brunei Darussalam.

Antara kebaikan utama masyarakat berdisiplin dan bertoleransi ialah wujudnya suasana hidup yang aman, tenteram dan harmoni. Apabila setiap individu mengamalkan disiplin dalam kehidupan seharian, seperti mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan, menjaga kebersihan, dan menepati masa, masyarakat akan lebih teratur dan berkesan dalam pelbagai aspek dan kerohanian. Dalam masa yang sama, toleransi pula mengelakkan berlakunya konflik akibat perbezaan budaya, agama, dan pandangan politik. Ini seterusnya mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional.

Selain itu, masyarakat yang berdisiplin dan bertoleransi juga menyumbang kepada pembangunan negara. Apabila rakyat hidup dalam keadaan aman, makmur, sejahtera dan saling menghormati, pelabur luar akan lebih yakin untuk melabur dalam negara kita. Hal ini akan membuka lebih banyak peluang pekerjaan dan meningkatkan taraf hidup rakyat seperti yang dimahukan bagi mencapai pelaksanaan Wawasan Brunei 2035. Tambahan pula, masyarakat sebegini dapat menjadi contoh teladan kepada belia dan generasi muda, sekali gus melahirkan warganegara yang berakhlak mulia, bersopan santun, amanah dan bertanggungjawab.

Kesimpulannya, kebaikan menjadi masyarakat berdisiplin dan bertoleransi amat besar dan penting dalam menjamin kesejahteraan hidup bersama. Oleh itu, setiap individu harus memainkan peranan masing-masing untuk mengamalkan nilai-nilai ini demi kebaikan bersama dan kemajuan negara.

**Nama : Mohammad Farhan @Ar-Rayhan bin Mohammad Shahran**
**No. K/P : 01-097XXX**

## Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. **'Penyebaran Maklumat Palsu: Cabaran Dunia Digital Masa Kini'.** Tarikh Tutup : **3 September 2025**
2. **'Peranan Guru Dalam Membangunkan Modal Insan Berkualiti'.** Tarikh Tutup : **10 September 2025**
3. **'Menjadi Pemimpin Muda : Cabaran dan Peluang'.** Tarikh Tutup : **17 September 2025**

**Terma dan Syarat :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300** patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**
**Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan**
**Lapangan Terbang Lama, Berakas**
**Bandar Seri Begawan, BB3510**
**Negara Brunei Darussalam.**
**atau melalui**
**E-mel : *pelita.brunei@information.gov.bn***

**Menangi BND75 SETIAP MINGGU**

**Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang**

# BELIA PERLU BERTEKAD MEMAJUKAN NEGARA, BERDAYA SAING



**PARA peserta program bergambar ramai bersama tetamu kehormat dan kakitangan Jabatan Penerangan pada Majlis Pembukaan Program Sivik Negara Brunei Darussalam Kali Kedua Bagi Tahun 2024/2025.**

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 1 September. - Sejak diperkenalkan pada tahun 1976, Program Sivik anjuran Jabatan Penerangan setakat ini kekal relevan dan bertujuan untuk memberikan pendedahan serta kefahaman kepada para peserta program ini mengenai inisiatif-inisiatif kerajaan dari semasa ke semasa.

Walaupun program ini mulanya dihasrat akan dapat menanamkan rasa kecintaan dan tanggungjawab sivik masyarakat terutamanya golongan belia terhadap negara, akan tetapi, program ini juga memainkan peranan yang amat penting bukan sahaja dalam mendukung hasrat negara ke arah belia yang berwawasan, malahan dalam membuka minda para belia untuk lebih berinovasi, berfikiran kritikal, *resilient* dan mempunyai tahap kepedulian sosial yang baik sesama masyarakat.

Perkara tersebut antara yang dinyatakan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Siti Bismi Nuruliman binti Haji Awang Emzah, selaku tetamu kehormat pada Majlis Pembukaan Program Sivik Negara Brunei Darussalam Kali Kedua Bagi Tahun 2024/2025 yang diadakan di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan, Jabatan Penerangan.

Dalam ucapan alu-aluannya, Pemangku Pengarah Penerangan juga menyeru agar para belia untuk sama-sama memajukan negara, berfikiran kental, berdaya saing dan tidak mudah berputus asa dengan melengkapkan diri dengan calak Brunei iaitu akhlak dan perilaku yang baik serta pengetahuan am yang meluas.

Program Sivik berkenaan diadakan selama lima hari bermula 30 Ogos hingga 4 September 2025, dan dianjurkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik, Bahagian Penerbitan dan Komunikasi Strategik.

Program kali ini disertai oleh 47 peserta, yang terdiri daripada lepasan ijazah dan mahasiwa / mahasiswi dari Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah serta mahasiswa - mahasiswi dari institut pengajian tempatan dan yang menjalani penempatan kerja di jabatan ini.

Sepanjang program ini diadakan, para peserta akan didedahkan kepada beberapa siri taklimat dan lawatan sambil belajar ke beberapa agensi kerajaan dan swasta. Selain itu, peserta juga akan terlibat dalam aktiviti bersama masyarakat kampung.

Antara objektif program ini diadakan ialah untuk memberi kefahaman dan maklumat terkini kepada masyarakat mengenai hal ehwal negara dan kerajaan, memastikan rakyat sentiasa peka terhadap perkembangan semasa; memupuk dan menanam semangat kenegaraan yang berasaskan falsafah konsep MIB, dengan menekankan nilai-nilai budaya, agama, dan kedaulatan yang menjadi asas identiti negara.

# Memperkukuh, memahami kesejahteraan mental, emosi, rohani



**PENGETUA Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SM YSHHB), Dayang Sarimah binti Haji Lusin menyampaikan sijil penghargaan kepada salah satu agensi yang berkolaborasi menjayakan acara tersebut.**



**PENGETUA SM YSHHB mengunjungi salah sebuah reruai di acara berkenaan.**

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 1 September. - Kesihatan mental bukanlah satu destinasi, akan tetapi ia merupakan sebuah perjalanan sepanjang hayat.

Pengetua Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SM YSHHB), Dayang Sarimah binti Haji Lusin menjelaskan demikian pada Majlis Perasmian 'Minda Matters' Mental Health Fair di Ruang Concourse sekolah berkenaan yang bermula hari ini bersempena dengan Minggu Kesihatan Fizikal, Rohani dan Mental.

Menurut Dayang Sarimah, hari ini merupakan suatu detik istimewa kerana buat julung kalinya acara tersebut diadakan di SM YSHHB dan sekali gus berkumpul ke arah memperkukuhkan lagi pemahaman dan sokongan terhadap kesejahteraan mental, emosi dan rohani dalam komuniti sekolah berkenaan.

Pameran yang diadakan itu juga katanya, adalah sebahagian daripada komitmen pihak mereka untuk mewujudkan persekitaran sekolah yang sihat, selamat dan penyayang di mana kesejahteraan emosi diberi nilai yang sama pentingnya dengan kecemerlangan akademik.

"Melalui program yang disediakan pada hari ini, kita berharap dapat memberi pelajar ilmu, kemahiran dan pengalaman yang akan membantu mereka membina ketahanan, kesedaran dan keseimbangan dalam perjalanan tersebut," ujarnya.

Dayang Sarimah seterusnya menyeru kepada semua pelajar dan juga warga sekolah untuk memanfaatkan dan mengambil peluang sepenuhnya daripada aktiviti yang disediakan dan seterusnya menjadikannya sebagai ruang untuk direnungi, berhubung sesama sendiri serta belajar bagaimana untuk menjaga kesihatan minda, sepertimana kita menjaga tubuh badan dan hati kita.

Tambahnya lagi, dengan adanya gerai interaktif, amalan kesedaran minda (*mindfulness*) serta ruang penjagaan kendiri, Minda Matters mengingatkan kita untuk berhenti sejenak, merenung dan menzahirkan kasih sayang, bukan sahaja kepada diri sendiri tetapi juga kepada orang lain di sekeliling kita. Justeru, tegasnya, marilah kita sama-sama manfaatkan peluang seumpama ini untuk mendengar, belajar dan saling menyokong.

"Semoga Pameran Kesihatan Mental ini menjadi langkah bermakna ke arah melahirkan generasi yang berdaya tahan, penuh empati dan cerdas emosi. Bersama-sama, marilah kita menghapuskan stigma, menggalakkan penjagaan diri dan membina komuniti sekolah yang lebih kuat dari segi hati dan minda," tegasnya lagi.

Sejurus merasmikan, Dayang Sarimah menyampaikan sijil penghargaan kepada beberapa agensi yang berkolaborasi menjayakan acara tersebut antaranya Mind Psychology, Sparkle Therapy Centre, Kidz Discovery World dan Nadi Al-Qawi Al-Amin dan kemudiannya melawat petak-petak pameran di ruang yang disediakan.

Program yang berlangsung dari 1 hingga 4 September ini mengetengahkan beberapa acara seperti Pameran Kesihatan Mental Minda Matters pada hari pertama di mana para pelajar dijemput mengunjungi reruai dari pelbagai pihak jemputan.

Pada keesokan harinya, Jabatan Matematik dan Sains akan menganjurkan aktiviti Amazing Race dengan melibatkan lapan kumpulan pelajar dari peringkat menengah rendah dan atas, halangan termasuk aktiviti dan soalan mata pelajaran Matematik dan Sains.

Pada hari terakhir pula akan diadakan dua ceramah berbeza untuk para pelajar iaitu Ceramah Terapi Spiritual Ugama dan Ceramah Kesihatan Mental Pusat Promosi Kesihatan daripada Dayang Zahratul 'Azimah binti Haslin.

Adapun objektif acara antara lain bagi memahami kesihatan mental yang mendidik pelajar tentang kepentingan kesihatan mental, cabaran biasa dan sistem sokongan yang tersedia selain mempelajari aktiviti kesedaran yang menggalakkan kesedaran diri dan kesedaran melalui aktiviti secara *hands-on* serta menggalakkan dan mempromosikan amalan penjagaan diri yang menyokong kesejahteraan emosi dan psikologi.

Minda Matters bersempena dengan Minggu Kesihatan Fizikal, Rohani dan Mental bertujuan untuk memupuk budaya sekolah yang positif di mana kesejahteraan emosi dihargai dan dibincangkan secara terbuka.

Melalui gerak interaktif, aktiviti kesedaran, dan stesen penjagaan diri, acara ini berharap dapat mewujudkan persekitaran yang selamat dan menyokong bagi para pelajar boleh belajar, merenung dan saling berhubung sesama mereka.



**ANTARA pelajar yang hadir di acara tersebut yang telah diadakan di Ruang Concourse SM YSHHB.**

# دعاء مموهن کڤد الله سڤاي ترسلامة درڤد بلاء دان سکل جنيس ڤڽاکيت

## DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ، وَٱلصَّلَاةُ وَٱلسَّلَامُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ أَجْمَعِينَ.

لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنْتَ سُبْحَٰنَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿3 کالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ ٱللَّهِ ٱلتَّآمَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 کالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ شَيْءٌ فِي ٱلْأَرْضِ وَلَا فِي ٱلسَّمَآءِ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿3 کالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَّسُولُ ٱللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِٱللَّهِ.

بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ خَيْرِ ٱلْأَسْمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ رَبِّ ٱلْأَرْضِ وَٱلسَّمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ دَآءٌ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱفْتَتَحْنَا وَبِٱللَّهِ ٱخْتَتَمْنَا وَعَلَى ٱللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَّا بِذِي ٱلْعِزَّةِ وَٱلْجَبَرُوتِ. وَٱعْتَصَمْنَا بِرَبِّ ٱلْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى ٱلْحَيِّ ٱلَّذِي لَا يَمُوتُ.

ٱللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُبِكَ مِنَ ٱلْبَرَصِ، وَٱلْجُنُونِ، وَٱلْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ ٱلْأَسْقَامِ.

ٱللَّهُمَّ ٱصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وِبِلَادِنَا وَجَمِيعِ ٱلْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ ٱلْبَلَآءَ وَٱلْوَبَآءَ وَٱلطَّعْنَ وَٱلطَّاعُونَ وَسَائِرَ ٱلْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ ٱلرَّدَىٰ بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 کالي﴾.

وَصَلَّى ٱللَّهُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ وَسَلَّمَ، وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ.

### TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu ‘alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala’ bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

**Ihsan : Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama**

# AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

## اية الكرسى

ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلْحَىُّ ٱلْقَيُّومُ ۚ لَا تَأْخُذُهُۥ
سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ ۚ لَّهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا
فِى ٱلْأَرْضِ ۗ مَن ذَا ٱلَّذِى يَشْفَعُ عِندَهُۥٓ
إِلَّا بِإِذْنِهِۦ ۚ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ ۖ
وَلَا يُحِيطُونَ بِشَىْءٍ مِّنْ عِلْمِهِۦٓ إِلَّا بِمَا شَآءَ ۚ
وَسِعَ كُرْسِيُّهُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ ۖ وَلَا يَـُٔودُهُۥ
حِفْظُهُمَا ۚ وَهُوَ ٱلْعَلِىُّ ٱلْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾

**Peringatan :**
Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat وَلَا يَئُودُهُۥ حِفْظُهُمَا وَهُوَ العَلِيُّ العَظِيمُ 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

## (صلوات تفرجية)

ٱللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًّا عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
ٱلَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ ٱلْعُقَدُ، وَتَنْفَرِجُ بِهِ ٱلْكُرَبُ، وَتُقْضَىٰ بِهِ
ٱلْحَوَآئِجُ، وَتُنَالُ بِهِ ٱلرَّغَآئِبُ وَحُسْنُ ٱلْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى
ٱلْغَمَامُ بِوَجْهِهِ ٱلْكَرِيمِ، وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ
وَنَفَسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

**Maksudnya :**
Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

**Penerangannya :**
Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

## سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارُ

ٱللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَآ إِلَٰهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ،
وَأَنَا عَلَىٰ عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا ٱسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي،
فَٱغْفِرْ لِي فَإِنَّهُۥ لَا يَغْفِرُ ٱلذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

**Maksudnya :**
*"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".*

**Fadilatnya :**
Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

## ذكر بچاءن يڠ ممباوا كبراونتوڠن ساڠت بسر
## كڤد ڤڠعملن ( تولق بلاء)

**(1)**

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

**(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).**

**Penerangan :**
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

**(2)**

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيْم

**(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).**

**Penerangan :**
Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

**(3)**

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

**(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).**

**Penerangan :**
Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

**(4)**

وَأُفَوِّضُ أَمْرِيْ إِلَى اللَّهِ

**(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).**

**Penerangan :**
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

**(5)**

يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيْثُ

**(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).**

**Penerangan :**
Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

Pelita Brunei

# PENGURNIAAN BINTANG JADI PEMBAKAR SEMANGAT, MOTIVASI CURAH KHIDMAT TERBAIK

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 2 September. - Seramai 36 orang penerima menzahirkan rasa syukur atas penganugerahan Bintang-Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam dan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas penghargaan, penghormatan dan pengiktirafan segala dedikasi dan komitmen dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik terhadap kemajuan dan pembangunan negara.



**HAJI Awang Mohammad Zul-Hafiz bin Awang Tengah dan Pengiran Hairani binti Pengiran Haji Tajuddin semasa ditemu bual (kanan dan kiri).**

Pengurniaan Bintang - Bintang Kebesaran yang dikurniakan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan baginda yang Ke-79 yang diadakan di Balai Singgahsana Indera Kenchana, Istana Nurul Iman hari ini, memahat memori yang penuh bermakna dan membakar semangat para penerima dalam menggalas tanggungjawab dan kepercayaan dalam menjalankan tugas yang telah diamanahkan.

Salah seorang penerima, Haji Awang Mohammad Zul-Hafiz bin Awang Tengah, yang telah dikurniakan Darjah Seri Ugama Islam Negara Brunei Yang Amat Bersinar Darjah Keempat (S.U.B) berkongsi dengan pengurniaan Bintang Kebesaran ini membuatkan beliau akan lebih berazam serta beriltizam dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk pembangunan agama, bangsa dan negara.

Berusia 41 tahun, beliau yang berkhidmat sebagai guru di Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Rimba juga menabur bakti sebagai tenaga pengajar Skim Tilawah Al-Quran Remaja (STAR).

Lima buah syarikat perniagaan tersebut ialah B Sulaiha Sdn. Bhd., Mulaut dikenakan dengan sebanyak BND500; Mahamas Sdn. Bhd., Subok dikenakan denda kompaun sebanyak BND700 dan Intelek Enterprise, Subok dikenakan denda kompaun sebanyak BND500. Ketiga-tiga syarikat ini dikenakan denda kompaun kerana melakukan kesalahan di bawah Bab 3B : Melebihi harga dan bayaran maksimum yang ditetapkan oleh Pengawal Harga.

Manakala, De Rimba Department Store, Rimba pula dikenakan dengan sebanyak BND700 dan Guardian Health and Beauty (B) Sdn. Bhd., Lambak dikenakan denda sebanyak BND500. Kedua-dua syarikat ini dikenakan denda kompaun kerana melakukan kesalahan di bawah Bab 5 : Kesalahan berkaitan Paparan Tanda Harga.

Peniaga diingatkan untuk menjalankan perniagaan yang beretika dengan tidak menjual barangan yang dikawal harga melebihi harga maksimum yang ditetapkan dan mempamerkan tanda harga dengan jelas dan betul serta tidak mengelirukan pengguna. Senarai harga terkini bagi barangan yang dikawal harga maksimum boleh diperoleh di dalam laman sesawang JPES di *www.deps.mofe.gov.bn*.

Kegagalan dalam mematuhi Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-peraturan di bawahnya boleh dikenakan denda maksimum sebanyak BND20,000 dan penjara selama lima tahun bagi kesalahan yang berulang.

Di kesempatan ini, JPES merakamkan penghargaan terima kasih kepada orang ramai yang telah menyalurkan aduan secara bertanggungjawab dengan menyertakan maklumat lengkap termasuk dokumen sokongan seperti resit pembayaran melalui saluran-saluran rasmi iaitu Talian Darussalam 123 dan e-mel *aduanpengguna@jpes.gov.bn*.




**PEMERIKSAAN rutin harian Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) antara usaha berterusan JPES dalam memastikan kepatuhan terhadap Akta Kawalan Harga, Penggal 142 (atas dan atas kiri).**

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik**

# ALAI PINTAR

SOALAN 156

## SOALAN 3 SEPTEMBER 2025, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan.

1. Apakah kata berlawan bagi atas?
   a) Bawah
   b) Belakang
   c) Depan
2. 348 + 129 = ____?
   a) 477
   b) 476
   c) 479
3. Apakah hukum solat jika tidak berwuduk?
   a) Tidak sah
   b) Wajib
   c) Sunat

**TARIKH TUTUP : 13 SEPTEMBER 2025**

## SYARAT PERADUAN

1. Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
2. Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
   - **Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama,Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam**
   - **Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;**
   - **Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan**
   - **Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.**
3. Alai juga boleh menggambar borang jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian **+673 7293554** atau emel ke **pelita.brunei@information.gov.bn**
4. Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama : ..................................................
Tarikh Lahir : ..................................................
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : ..................................................
Sekolah : ..................................................
Tahun : ..................................................
Alamat : ..................................................
..................................................
Nombor Telefon (mudah dihubungi) : ..................................................

## HADIAH PEMENANG

1. ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK TIGA ORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.
2. ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER.

### PEMENANG ALAI PINTAR 155 :

Nama : Muhammad Khaliq Fathullah Khairul Amilin
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 01-195496. Sekolah : Sekolah Menegah Masin

Nama : Md Azhar Rabbani bin Haji Aziman
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0141772-01. Sekolah : Sekolah Rendah Mulaut

Nama : Abdul Muzhaffar Haziq bin Abdul Hanis
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0134297-01. Sekolah : Learning Tree School

### JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 155

1. B – 0.3 m
2. A – Siapa
3. B – Beranak




# Du-It Right! Wujudkan belia celik kewangan

**Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim**
**Foto : Ihsan Kumpulan SRISATRIA**

**PENGETAHUAN** mengenai pentingnya mengurus kewangan memainkan peranan yang sangat penting kerana ia membentuk asas kepada kemahiran hidup, bukan sahaja untuk masa ini malahan untuk masa hadapan. Apatah lagi dalam dunia era digital masa kini, semua pihak termasuklah para pelajar semakin terdedah kepada pelbagai bentuk perbelanjaan yang mudah diakses dan dilakukan di hujung jari seperti pembelian dalam talian, langganan aplikasi atau perkhidmatan digital serta penggunaan e-dompet. Tanpa kefahaman yang mencukupi mengenai pengurusan kewangan akan mengakibatkan pelajar mudah terjebak dalam perbelanjaan impulsif dan pembaziran. Ini bukan sahaja memberi kesan kepada kehidupan mereka sebagai pelajar, malah boleh membawa kesan jangka panjang selepas tamat pengajian sekiranya ia menjadi tabiat.

Menyedari hal itu, sekumpulan Pegawai-pegawai Kerajaan yang mengikuti Program Eksekutif Muda (Kohort 10) di bawah Civil Service Leadership Pipeline (CSLP), yang diungkayahkan oleh Institut Perkhidmatan Awam iaitu kumpulan SRISATRIA telah mengendalikan satu projek dikenali sebagai 'Du-It Right!'.

## Tujuan

Salah seorang ahli kumpulan SRISATRIA, Dayang Siti Nur Izzah binti Alwi, Pegawai Psikologi Pendidikan, Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan menjelaskan projek Du-It Right! merupakan satu projek khidmat masyarakat yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran dalam kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di negara ini mengenai kepentingan ilmu kewangan dalam kehidupan seharian dan perancangan masa hadapan. Melalui projek khidmat masyarakat ini jelasnya, kumpulan berkenaan berhasrat untuk membantu para pelajar untuk membina permulaan dan asas kewangan sebelum masuk ke alam pekerjaan. Katanya lagi, pendekatan yang mereka gunakan adalah berbentuk interaktif dan perkongsian ilmu serta bimbingan yang memberi penekanan kepada amalan kewangan yang bagus dan strategik.

## Pengendalian projek

Pelbagai acara telah disusun dalam menjayakan projek berkenaan. Pada 3 Ogos 2025 yang lalu, kumpulan SRISATRIA mengadakan aktiviti yang berkaitan dengan hal ehwal kewangan semasa BandarKu Ceria. Sesi Bual Bicara juga diadakan di dua buah institusi pendidikan iaitu pada 14 Ogos 2025 di Institute of Brunei Technical Education (IBTE), di Lecture Theatre, School of Business dan 15 Ogos 2025 di Senate Room, Universiti Brunei Darussalam.

Bagi sesi bual bicara itu, Kumpulan SRISATRIA bekerjasama beberapa institusi kewangan iaitu Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Baiduri Bank Berhad (Baiduri), Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan Takaful Brunei Keluarga (TBK) selaku penyampai ceramah / *speakers*. Antara topik yang dikongsikan termasuk asas dalam pengurusan bajet, tabiat menabung serta perancangan kewangan masa depan. Para *speakers* jemputan juga menyentuh mengenai risiko penipuan kewangan dan bagaimana untuk melindungi maklumat peribadi dalam urusan kewangan digital. Sesi ini disampaikan secara interaktif, termasuk kuiz, dan aktiviti-aktiviti kefahaman para-para pelajar terbabit.

## Perancangan

Ketika menjelaskan mengenai perancangan jangka panjang projek Du-It Right!, kumpulan SRISATRIA merancang agar projek ini dapat dilaksanakan secara berterusan oleh semua institusi berkenaan dalam melestarikan pengetahuan kewangan bukan hanya dalam kalangan pelajar IPT tapi juga dalam kalangan penduduk di Negara Brunei Darussalam secara amnya. Kumpulan SRISATRIA juga terbuka untuk bekerjasama dengan mana-mana agensi kerajaan, institusi kewangan atau pihak swasta bagi memperluaskan capaian dan impak program Du-It Right! ini.

## Harapan

Mewakili rakan sekumpulannya yang lain, Dayang Siti Nur Izzah melahirkan harapan agar belia di negara ini lebih celik kewangan dan dapat membuat keputusan kewangan yang bijak dan bertanggungjawab. Dengan asas kewangan yang kukuh, mereka bukan sahaja dapat mengurus kehidupan harian dengan lebih baik, tetapi juga menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara secara keseluruhan.

"Kami ingin menyumbang kepada pembangunan generasi yang bukan sahaja berilmu, tetapi juga berhemah dalam mengurus kewangan mereka, selaras dengan apa yang dihasratkan di dalam Wawasan Brunei 2035,'' ujarnya.

Ilmu kewangan dalam kalangan pelajar adalah penting ke arah mewujudkan generasi dan masyarakat yang lebih celik kewangan, seterusnya menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara secara lebih seimbang dan inklusif. Dengan adanya pengetahuan kewangan yang asas, pelajar dapat mengurus kewangan mereka secara realistik, menetapkan matlamat simpanan, membuat perancangan kewangan secara strategik, serta berdisiplin dalam perbelanjaan. Ini merupakan pelaburan jangka panjang yang bukan sahaja meningkatkan kesejahteraan individu, tetapi juga membantu melahirkan generasi belia yang lebih bertanggungjawab dan bersedia dari segi kewangan, selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035.





# Meraikan graduan UTB

**Oleh : Norliah Md. Zain**
**Foto : Jabatan Penerangan**

HARI ini Universiti Teknologi Brunei (UTB) melahirkan lagi lebih lima ratus graduan baharu dalam pelbagai bidang bermakna, bertambahlah juga modal insan yang berkemahiran di negara ini. Konvokesyen sememangnya acara tahunan yang sangat dinanti-nantikan oleh para graduan, ibu bapa dan ahli akademik di semua Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Ia bukan sahaja menjadi simbol kejayaan akademik seseorang graduan, malah ia melambangkan pencapaian cemerlang dalam usaha menuntut ilmu serta mengangkat martabat keilmuan.

Para graduan yang sudah bersedia di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas sejak awal pagi setentunya merasa lebih bermakna bila mana ia diserikan lagi dengan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, selaku Canselor UTB bagi penguriaan Ijazah Doktor Falsafah, Ijazah Sarjana dan Ijazah Sarjana Muda.

Turut berangkat, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro-Canselor UTB.

Pada pagi ini seramai 181 graduan lelaki dan 224 graduan perempuan menerima Ijazah Sarjana Muda; 50 graduan lelaki dan 82 graduan perempuan menerima Ijazah Sarjana secara Kerja Kursus; lapan graduan lelaki dan 10 graduan perempuan menerima Ijazah Sarjana secara Penyelidikan; dan tiga graduan lelaki dan 10 graduan perempuan menerima Ijazah Doktor Falsafah. Penerima Ijazah Doktor Falsafah kali ini adalah yang paling ramai dari tahun sebelumnya.

Dalam kalangan penerima, 17 daripadanya merupakan graduan antarabangsa di mana lima graduan lelaki dan dua graduan perempuan menerima Ijazah Sarjana Muda, empat graduan lelaki tiga graduan perempuan menerima Ijazah Sarjana secara Kerja Kursus, seorang graduan lelaki dan seorang graduan perempuan menerima Ijazah Sarjana secara Penyelidikan, dan seorang graduan perempuan menerima Ijazah Doktor Falsafah.

### Sejarah

Sebelum dinamakan sebagai UTB, ia mula dikenali sebagai Institut Teknologi Brunei (ITB) yang ditubuhkan pada tahun 1986, dengan pengambilan pertama seramai 57 pelajar. Pada 18 Oktober 2008, ITB secara rasmi dinaik taraf kepada universiti oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Sejak itu, ia telah berkembang termasuk perkembangan portfolio program akademiknya, menubuhkan perkongsian dengan industri dan universiti, akreditasi program oleh badan-badan profesional dan meningkatkan aktiviti penyelidikan.

Setelah lapan tahun dinaik taraf, pada 1 Mac 2016, ITB bertukar nama menjadi UTB dan ia merupakan mercu tanda yang sangat bermakna bagi seluruh warga UTB, lebih-lebih lagi ketika UTB memperingati 30 tahun penubuhannya sebagai sebuah IPT di negara ini. Nama baharu UTB ini merupakan satu pengiktirafan dan kepercayaan terhadap kematangan dan kemampuan UTB.

Dengan pertukaran nama ini, ia dapat membantu membukakan peluang-peluang pertumbuhan yang lebih luas lagi dalam usaha memacu kemajuan universiti ini.

Visi UTB adalah untuk menjadi universiti global yang memberi impak kepada masyarakat dan misinya adalah untuk memupuk bakat yang bertanggungjawab secara sosial yang berakar umbi dalam nilai-nilai Melayu Islam Beraja (MIB) dan komited untuk membangunkan masyarakat global dan keusahawanan dalam mengejar inovasi dan keupayaan yang relevan dengan industri, ke arah menuju Wawasan Brunei 2035.

Bagi pengambilan Tahun Akademik 2025/2026, UTB telah menerima 641 orang pelajar baharu.

### Pelan Strategik

UTB ketika ini melaksanakan Pelan Strategik 2024-2028 dengan visi Global University of the Future dan misi untuk melahirkan bakat yang tinggi bagi masyarakat yang mampan, global dan berdaya usaha, yang berakar umbi dalam falsafah negara MIB ke arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Pelan strategik UTB juga telah memberikan penekanan kepada pembelajaran cemerlang yang memfokus kepada tiga objektif strategik iaitu, kualiti pengajaran dan pembelajaran, kurikulum yang diiktiraf di peringkat global dan pengalaman pembelajaran.

### Perjanjian

UTB telah menandatangani pelbagai perjanjian dengan organisasi terkemuka di negara ini dan di seluruh dunia untuk bekerjasama dalam program penyelidikan, pendidikan dan latihan. Ini termasuk pertukaran pelajar sarjana muda dan pascasiswazah, latihan industri, pertukaran akademik, penyelidikan bersama, persidangan, perundingan, seminar dan projek-projek lain.

Misalnya pada 14 Mei 2025 yang lalu, UTB telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan JPMC College of Health Sciences (JCHS) menunjukkan satu kerjasama strategik secara formal dimeterai serta menguatkan komitmen kedua-dua institusi terhadap inovasi dalam pendidikan dan kerjasama antara disiplin.

Manakala pada 5 Mei 2025, UTB dan Imagine Sdn. Bhd. telah menandatangani MoU, yang bertujuan untuk meningkatkan peluang latihan industri dan pendedahan dunia sebenar untuk graduan UTB.

Selain itu pada 28 Februari 2025, enam pelajar sarjana muda daripada Fakulti Kejuruteraan dan Sekolah Perniagaan Universiti Teknologi Brunei (UTB) berlepas ke Amerika Syarikat untuk mengikuti program latihan selama enam bulan di Piper Aircraft, Inc. di Florida, Amerika Syarikat, di bawah program UTB ExperiencePLUS. Kumpulan ini menandakan kohort latihan ke-10 kepada Piper sejak perkongsian pendidikan antara UTB dan Piper Aircraft, Inc. bermula pada 2013.

### Pencapaian

UTB sekali lagi telah diiktiraf dalam Times Higher Education (THE) Impact Rankings 2025. Dengan skor keseluruhan yang diperkukuhkan sebanyak 60.9-65.5, UTB mengekalkan kedudukannya dalam kumpulan 801-1000 di peringkat global, menunjukkan kemajuan berterusan dalam komitmennya terhadap kelestarian, inovasi, dan pendidikan inklusif.

Keputusan 2025 menonjolkan peningkatan dalam pelbagai kategori SDG. UTB telah membuat kemajuan yang signifikan di bawah SDG 4 Pendidikan Berkualiti, meningkatkan kedudukannya dari 401-600 pada tahun 2024 kepada 301-400 pada tahun 2025. Pencapaian ini mencerminkan usaha universiti yang dipertingkatkan dalam menyediakan pendidikan yang boleh diakses dan berkualiti tinggi, memupuk pembelajaran sepanjang hayat, dan menyokong kejayaan pelajar di semua peringkat.

Prestasi UTB dalam 2025 Impact Ranking selaras dengan Wawasan Brunei 2035, yang menekankan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan, pendidikan berkualiti tinggi, dan penduduk terpelajar serta berkemahiran. Pencapaian UTB juga menyokong hala tuju strategiknya untuk menjadi Universiti Global Masa Depan, dengan mengintegrasikan kelestarian ke dalam fungsi terasnya dalam pengajaran, penyelidikan, dan penglibatan.

Selain itu, UTB terus berada dalam senarai QS World University Rankings 2026, mengekalkan kedudukannya dalam kalangan universiti terkemuka dunia. Pengiktirafan berterusan ini mencerminkan komitmen UTB terhadap pendidikan berkualiti tinggi, penyelidikan yang memberi impak, dan penglibatan global yang bermakna.

UTB berada di tempat kesembilan di antara semua universiti teknologi dan kejuruteraan ASEAN, mengesahkan kedudukan dan daya saingnya yang semakin meningkat di dalam rantau ini.

QS World University Rankings menilai universiti berdasarkan petunjuk utama seperti reputasi akademik, reputasi majikan, nisbah fakulti-pelajar, impak penyelidikan, pengantarabangsaan, dan kelestarian. Keberadaan UTB yang konsisten pada kedudukan ini memperlihatkan kekuatannya dalam bidang-bidang ini, terutamanya persekitaran pembelajaran yang memberi tumpuan kepada pelajar, komuniti akademik yang pelbagai, dan kerjasama global yang semakin berkembang.

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, UTB telah mencapai kemajuan yang signifikan dalam meningkatkan penyelidikan, menguatkan kapasiti akademik, dan menyelaraskan strateginya dengan kedua-dua penanda aras global dan aspirasi negara. Universiti tetap fokus untuk menyokong Wawasan Brunei 2035, yang bertujuan untuk memupuk ekonomi berasaskan pengetahuan yang didorong oleh inovasi, pembangunan bakat, dan pertumbuhan yang mampan.

Semoga universiti ini terus melahirkan modal insan berkemahiran tinggi dalam pelbagai bidang selaras dengan perkembangan dan keperluan negara.

# KERJASAMA KUKUH MEMAJUKAN PENDIDIKAN TEKNIKAL, VOKASIONAL

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 2 September. - Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) mengadakan Majlis Penghargaan Pihak Berkepentingan bertempat di Cesar Hall, Hotel Mulia, Kampung Anggerek Desa, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pengerusi dan Presiden Pertubuhan Ukur, Jurutera dan Arkitek PUJA (Brunei), Sr. Haji Awang Mohammad Hanafi bin Pehin Orang Kaya DiGadong Seri DiRaja Dato Laila Utama Haji Abdul Rahman, yang juga merupakan Ahli Lembaga Pengelola IBTE.

Majlis turut dihadiri oleh ahli-ahli Lembaga Pengelola IBTE, rakan industri dan rakan media.

Dalam ucapan alu-aluannya, Ketua Pegawai Eksekutif IBTE dan Pengarah Pendidikan Teknikal, Dr. Haji Mohd. Zamri bin Haji Sabli, menekankan kepentingan perkongsian kukuh dalam memajukan pendidikan teknikal dan vokasional. Beliau menyatakan bahawa pihak berkepentingan IBTE telah memainkan peranan penting dalam membantu institusi menyediakan latihan yang relevan dengan industri, meningkatkan kebolehpasaran pelajar, serta mendorong inovasi.

Majlis Penghargaan Pihak Berkepentingan dianjurkan bagi tujuan untuk mengiktiraf sumbangan berharga daripada Rakan Industri PDEC, Rakan Industri MOU, serta Rakan Media dalam menyokong pembangunan pelajar, memperkukuhkan jalinan antara pendidikan dan industri, serta mempromosikan inisiatif IBTE kepada masyarakat umum.

Objektif utama majlis ini diadakan adalah untuk menghargai kerjasama dan sokongan padu pihak berkepentingan IBTE, di samping mencerminkan komitmen IBTE untuk mengekalkan dan mengembangkan lagi kerjasama ini sejajar dengan pelaksanaan Pelan Strategik baharu IBTE 2025-2030.

Melalui majlis penghargaan ini, IBTE sekali lagi menegaskan komitmennya untuk terus bekerjasama erat dengan pihak-pihak tertentu dalam memastikan tenaga kerja Brunei dilengkapi dengan kemahiran, pengetahuan dan ketahanan bagi memenuhi keperluan ekonomi yang sentiasa berkembang pesat.




**PENGERUSI dan Presiden Pertubuhan Ukur, Jurutera dan Arkitek PUJA (Brunei), Sr. Haji Mohammad Hanafi bin Pehin Orang Kaya DiGadong Seri DiRaja Dato Laila Utama Haji Abdul Rahman, juga selaku Ahli Lembaga Pengelola IBTE, hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penghargaan Pihak Berkepentingan tersebut.**

# YEAB anjur Program NextGen Changers sempena HBK 2025




**PROGRAM NextGen Changers memberi peluang kepada setiap peserta untuk berinteraksi secara langsung dengan para usahawan daripada pelbagai industri dan latar belakang perniagaan, serta mendapatkan pandangan langsung mengenai kepimpinan, inovasi, dan cara menavigasi ekosistem keusahawanan di negara ini.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Young Entrepreneurs Association of Brunei**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 1 September. - Young Entrepreneurs Association of Brunei (YEAB) telah berjaya menganjurkan program sulung YEAB NextGen Changers pada Ahad, 31 Ogos 2025 bertempat di Mavens Hive, Kiulap.

Acara ini diadakan bersempena Hari Belia Kebangsaan 2025 dan inisiatif Next20 Movement, bagi meraikan pemerkasaan belia sepanjang bulan belia kebangsaan ini.

Program ini direka khas untuk memberi inspirasi dan membekalkan ilmu kepada pemimpin muda tempatan yang bercita-cita tinggi, dengan mempertemukan 30 peserta muda bersama Ahli-ahli YEAB melalui format *speed coaching* yang interaktif.

Setiap peserta berpeluang untuk berinteraksi secara langsung dengan para usahawan daripada pelbagai industri dan latar belakang perniagaan, serta mendapatkan pandangan langsung mengenai kepimpinan, inovasi, dan cara menavigasi ekosistem keusahawanan di negara ini.

NextGen Changers mencerminkan komitmen YEAB dalam membina generasi pemimpin dan usahawan masa depan di negara ini. Maklum balas daripada peserta menunjukkan impak positif program ini, yang digambarkan sebagai 'bermanfaat', 'meningkatkan keyakinan diri', dan 'membuka mata' dalam memahami peluang dalam ekosistem keusahawanan Negara Brunei Darussalam.

YEAB berharap dapat meneruskan penganjuran NextGen Changers sebagai platform berkala untuk para belia Brunei berhubung dengan mentor, bertukar idea dan mendapat inspirasi untuk memainkan peranan aktif dalam perjalanan ekonomi dan kepimpinan negara.

YEAB juga dengan sukacitanya mengumumkan penyertaannya dalam Karnival Usahawan Muda ASEAN yang akan diadakan di Kuala Lumpur, Malaysia pada bulan Oktober 2025. Untuk kemas kini aktiviti YEAB dan penyertaan serantau secara masa nyata, ikuti di Instagram melalui *@yeabrunei* atau hubungi terus di +673 8321288.

# Operasi Panyap dapati pelbagai kesalahan imigresen

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 1 September. - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) memperingatkan kepada orang ramai bahawa bekerja menggunakan pas lawatan tanpa kebenaran yang sah daripada JIPK merupakan satu kesalahan di bawah Peraturan 9(4), Peraturan Imigresen, Penggal 17 yang boleh membawa kepada denda tidak lebih dari BND2,000 atau hukuman penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

Maklumat ini dikongsikan berikutan dengan tiga operasi penguat kuasa undang-undang yang mana menyasarkan kepada beberapa lokasi di Negara Brunei Darussalam.

Pada Operasi Panyap 89/2025 yang menyasarkan di sebuah restoran di Mukim Gadong 'B', seramai empat orang warganegara asing diperiksa dan dua orang daripadanya telah pun ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-undang kerana dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 9(4), Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu bekerja menggunakan Pas Lawatan.

Manakala pada Operasi Panyap 90/2025 yang disasarkan di kawasan tempat letak kereta di Mukim Gadong 'B', dua orang warganegara asing ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang setelah dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 9(4), Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu bekerja menggunakan Pas Lawatan.

Pada Operasi Panyap 92/2025 pula, hasil daripada pemeriksaan yang dijalankan terhadap lapan orang warganegara asing di salah sebuah rumah sewa di Mukim Berakas 'B', seramai tujuh orang daripadanya telah pun ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang bagi siasatan lanjut.

Enam orang warganegara asing tersebut dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 9(4), Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu bekerja menggunakan Pas Lawatan manakala seorang lagi daripadanya dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 15(2), Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu bekerja bukan dengan majikan asal.

JIPK mengalu-alukan orang ramai bagi sama-sama memberikan maklumat berhubung dengan pesalah imigresen dengan menghubungi ke talian Hotline JIPK di talian +673 8734888 / +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) / +673 8984111 (Kuala Belait).



**JABATAN Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) semasa melaksanakan tiga operasi penguat kuasa undang-undang yang mana menyasarkan beberapa lokasi di Negara Brunei Darussalam.**

PELITA BRUNEI

BERITA GLOBAL

# SEKURANG-KURANGNYA 622 TERBUNUH, 1,555 CEDERA DALAM GEMPA BUMI DI TIMUR AFGHANISTAN

**KABUL**, 1 Sept. - Angka kematian akibat gempa bumi di wilayah Kunar dan Nangarhar di timur Afghanistan meningkat kepada 622, dengan 1,555 yang lain cedera, kata Kementerian Dalam Negeri negara itu dalam satu kenyataan pada Isnin.

Angka kematian di Kunar mencecah 610, dengan 1,300 orang cedera dan banyak rumah musnah. Di Nangarhar, 12 orang terbunuh, 255 cedera, dan berpuluh-puluh rumah rosak, menurut jurucakap kementerian Abdul Mateen Qani.

Pasukan keselamatan, perubatan, pengangkutan, makanan dan sokongan telah giat berusaha untuk menyampaikan bantuan menyeluruh dan segera kepada mereka yang terjejas akibat bencana itu, kata Qani.

Pasukan penyelamat dari Kementerian Pertahanan, Dalam Negeri dan Kesihatan Awam tiba untuk menghantar mangsa yang cedera ke Hospital Wilayah Nangarhar, seperti yang dilaporkan oleh media tempatan TOLOnews.

Gempa bumi berukuran 6.0 magnitud melanda bahagian timur Afghanistan pada 11.47 malam waktu tempatan pada 31 Ogos, dengan pusat gempa 27 kilometer pada kedalaman lapan kilometer, menurut AS Kajian Geologi. - ©XINHUA



**ANTARA mangsa yang cedera menerima rawatan di sebuah hospital di wilayah Kunar, Afghanistan.**

# Amerika Syarikat ucap tahniah kepada Malaysia sempena Hari Kebangsaan Ke-68

**KUALA LUMPUR**, 1 Sept. - Amerika Syarikat (AS) menyampaikan ucapan tahniah kepada Malaysia sempena sambutan Hari Kebangsaan Ke-68 negara.

Setiausaha Negara AS, Marco Rubio berkata AS dan Malaysia menikmati hubungan kerjasama yang kukuh dan berpanjangan sejak beberapa dekad lalu, berteraskan nilai keamanan, keselamatan dan kemakmuran.

Beliau juga berkata bahawa kerjasama itu turut terserlah melalui usaha bersama baru-baru ini bagi memastikan gencatan senjata berkekalan antara Thailand dan Kemboja, sambil menyatakan keyakinan hubungan dua hala akan terus diperkukuh pada masa depan.

"Bagi pihak Amerika Syarikat, saya menyampaikan ucapan tahniah yang tulus ikhlas kepada rakyat Malaysia sempena Ulang Tahun Kemerdekaan Ke-68 Malaysia pada 31 Ogos.

"AS dan Malaysia telah menikmati kerjasama erat dan berpanjangan selama beberapa dekad, berasaskan visi bersama untuk keamanan, keselamatan dan kemakmuran, seperti yang terbukti melalui kerjasama terkini dalam memastikan gencatan senjata berkekalan bagi Kerajaan Thailand dan Kemboja.

"Saya berharap hubungan dua hala dapat diperkukuh ketika kita merangka masa depan yang lebih cerah untuk kedua-dua negara.

"Dengan ucapan tahniah dari AS ketika anda meraikan pencapaian ini, saya mendoakan agar seluruh rakyat Malaysia melalui tahun mendatang dengan penuh kemakmuran," kata Rubio dalam satu perutusan yang dimuat naik di laman rasmi Facebook Kedutaan AS di Kuala Lumpur pada Isnin.

Rubio melawat Malaysia pada Julai lalu bagi menghadiri beberapa mesyuarat berkaitan ASEAN, termasuk Persidangan Pasca Menteri-Menteri Luar ASEAN-AS, Mesyuarat Menteri-Menteri Luar Sidang Kemuncak Asia Timur (EAS) serta Mesyuarat Menteri-Menteri Luar Forum Serantau ASEAN (ARF).

Dalam lawatan itu, Rubio turut mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim serta rakan sejawat serantau, dengan perbincangan turut tertumpu kepada pengukuhan kerjasama Indo-Pasifik dan peningkatan kolaborasi ekonomi. - ©BERNAMA

# 33 maut, lebih 2 juta terjejas banjir di Punjab, Republik Islam Pakistan

**ISLAMABAD**, 1 Sept. - Sekurang-kurangnya 33 orang terkorban manakala lebih dua juta lagi terjejas selepas hujan lebat mengakibatkan banjir besar di wilayah Punjab, timur Republik Islam Pakistan, kata seorang pegawai pada Ahad, lapor Xinhua.

Ketua Pengarah Pengurusan Bencana Wilayah (PDMA), Irfan Ali Kathia berkata hampir setengah juta penduduk telah dipindahkan ke kawasan selamat ketika banjir besar terus menenggelami banyak kawasan di Punjab, manakala operasi menyelamat serta bantuan masih diteruskan.

Beliau berkata lebih 800 bot dan 1,300 anggota penyelamat dikerah bagi memindahkan mangsa, kebanyakannya di kawasan luar bandar berhampiran tebing sungai utama Punjab.

Tiga sungai utama di wilayah itu kini berada pada paras berbahaya, menurut pegawai PDMA.

Bagi menampung mangsa yang dipindahkan, beberapa kem sementara telah didirikan di seluruh wilayah, menyediakan makanan, tempat tinggal dan perkhidmatan kesihatan asas.

Sejak 26 Jun tahun ini, sekurang-kurangnya 854 orang maut dan 1,130 lagi cedera dalam insiden berkaitan hujan di seluruh Republik Islam Pakistan, menurut Pihak Berkuasa Pengurusan Bencana Negara. - ©BERNAMA

# Erdogan bertemu rakan sejawat Azerbaijan, berpuas hati dengan proses damai Armenia

**ISTANBUL,** 1 Sept. - Presiden Turkiye Recep Tayyip Erdogan pada Isnin bertemu rakan sejawatnya dari Azerbaijan, Ilham Aliyev dan menyatakan rasa puas hati terhadap kemajuan dalam proses damai Armenia-Azerbaijan, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Menurut Direktorat Komunikasi Turkiye di platform media sosial, kedua-dua pemimpin itu membincangkan hubungan dua hala selain isu serantau dan global semasa Sidang Kemuncak Pertubuhan Kerjasama Shanghai (SCO) ke-25 di Tianjin, China.

Erdogan berkata Turkiye akan terus menyumbang kepada proses damai berkenaan, sambil menekankan kepentingan menyelaras inisiatif pembangunan serantau bersama Azerbaijan.

Beliau juga berkata bahawa kedua-dua negara akan memperkukuh lagi kerjasama dalam pelbagai bidang, khususnya tenaga dan pengangkutan.

Menteri Luar Turkiye Hakan Fidan dan Menteri Luar Azerbaijan Jeyhun Bayramov turut hadir pada pertemuan itu.

Erdogan tiba di China pada Ahad dan mengadakan perbincangan dengan Presiden China Xi Jinping serta Perdana Menteri Pakistan Shehbaz Sharif. Sidang Kemuncak SCO ke-25 bermula pada Isnin dengan Xi menyampaikan ucapan pembukaan.

Organisasi itu kini mempunyai 10 negara anggota, dua pemerhati dan 14 rakan dialog merangkumi Asia, Eropah dan Afrika. SCO meliputi kira-kira 24 peratus keluasan daratan dunia dan 42 peratus populasi global.

Negara anggotanya menyumbang kira-kira satu perempat daripada KDNK dunia, dengan perdagangan berkembang hampir 100 kali ganda dalam tempoh dua dekad. - ©BERNAMA

# Polis Republik Hellenic Greece dan Republik Persekutuan Jerman tumpaskan sindiket kokain antarabangsa

**ATHENS**, 1 Sept. - Polis Republik Hellenic Greece dan Republik Persekutuan Jerman berjaya menumpaskan rangkaian dadah antarabangsa yang disyaki mengedarkan kokain di Republik Persekutuan Jerman, Republik Hellenic Greece dan beberapa negara Kesatuan Eropah lain, dengan menahan lima lelaki serta merampas 300 kilogram kokain, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Menurut kenyataan polis Athens pada Ahad, antara yang ditahan ialah seorang warga Republik Persekutuan Jerman berusia 66 tahun serta dua lelaki berusia 27 dan 28 tahun yang kewarganegaraannya tidak didedahkan.

Di Republik Hellenic Greece, dua lagi suspek lelaki berusia 52 dan 62 tahun turut diberkas.

Polis Athens menggambarkan kumpulan itu sebagai sindiket yang sangat terancang, dengan setiap anggota diberikan peranan khusus termasuk menyelaras pengangkutan, merekrut pemandu, serta menjual dan mengedar dadah berkenaan.

Lokasi serbuan tidak didedahkan, manakala beberapa lagi anggota sindiket yang identitinya belum dikenal pasti masih bebas, menurut kenyataan itu.

Penyiasat Republik Hellenic Greece menganggarkan sindiket berkenaan meraih keuntungan melebihi 5 juta (kira-kira AS$5.8 juta) sebelum ditumpaskan.

Operasi dadah di Republik Hellenic Greece sering tertumpu di pulau-pulau pelancongan terkenal seperti Mykonos yang menarik ramai pengunjung berprofil tinggi, menurut polis.

Jabatan Polis Athens berkata operasi itu dijalankan dengan kerjasama pihak berkuasa Republik Persekutuan Jerman, dengan petunjuk penting diperoleh daripada Agensi Penguatkuasaan Dadah Amerika Syarikat (DEA). - ©BERNAMA

# Kes selesema burung H5N1 direkodkan di barat daya England

**LONDON,** 1 Sept. - Kerajaan Britain pada Ahad mengesahkan wabak selesema burung H5N1 berpatogen tinggi dikesan pada ayam ternakan di sebuah lokasi di Exminster, sebuah perkampungan di barat daya England, lapor Xinhua.

Kerajaan memaklumkan zon perlindungan sejauh tiga kilometer (km) dan zon pemantauan 10 km telah diwujudkan di sekitar kawasan itu, manakala semua ayam di premis berkenaan akan ditakai secara berperikemanusiaan. - ©BERNAMA

BERITA GLOBAL

# 5 MAUT DALAM NAHAS HELIKOPTER DI UTARA PAKISTAN

**ISLAMABAD**, 2 Sept. - Sekurang-kurangnya lima orang, termasuk dua juruterbang, terbunuh ketika sebuah helikopter terhempas di wilayah Gilgit-Baltistan (GB) utara Pakistan pada Isnin, kata pegawai tempatan.

Pesawat itu, yang sedang menjalankan ujian pendaratan pada helipad yang baru dicadangkan, terhempas akibat kegagalan teknikal di bandar Chilas daerah Diamer, Faizullah Faraq, jurucakap kerajaan GB, memberitahu Xinhua.

Helikopter itu milik Tentera Pakistan dan digunakan oleh kerajaan GB untuk operasi bantuan di kawasan yang dilanda banjir, tambahnya.

Pegawai kanan polis Diamer mengesahkan kematian dan berkata pasukan penyelamat dan polis telah sampai ke lokasi untuk usaha menyelamat. - ©XINHUA



**FOTO yang diambil dengan telefon bimbit ini menunjukkan penduduk tempatan berkumpul berhampiran serpihan helikopter tentera yang terhempas di daerah Diamer di wilayah Gilgit-Baltistan (GB) utara Pakistan.**

# Sepanyol tanggung kerugian 32 bilion akibat bencana iklim dalam 5 tahun

**MOSCOW**, 2 September. - Perdana Menteri Sepanyol, Pedro Sanchez berkata bencana iklim telah menyebabkan kerugian berjumlah 32 bilion (AS$37.4 bilion) kepada negara itu sepanjang lima tahun lalu.

"Ini adalah situasi darurat negara yang tidak terbatas pada kebakaran atau musim panas semata-mata. Dalam tempoh lima tahun lalu, rakyat Sepanyol berdepan dengan Filomena (ribut salji musim sejuk yang melanda pada Januari 2021), hujan lebat…Iklim ekstrem ini memaksa kerajaan membelanjakan 32 bilion untuk menampung kerosakan material," kata Sanchez pada Isnin, lapor Sputnik/RIA Novosti.

Sejak awal Ogos sahaja, sebanyak 130 kebakaran direkodkan, memusnahkan 330,000 hektar tanah, kata perdana menteri.

Minggu lalu, kerajaan Sepanyol mengisytiharkan 16 daripada 17 komuniti autonomi negara itu sebagai kawasan terjejas teruk berpunca daripada kebakaran hutan.

Menurut anggaran yang diterbitkan oleh Sistem Maklumat Kebakaran Hutan Eropah, kebakaran hutan di Sepanyol telah memusnahkan lebih 410,000 hektar (1.01 juta ekar) sejak awal tahun ini, hampir 10 kali ganda berbanding 2024. - ©BERNAMA

# Angka korban gempa bumi di timur Afghanistan meningkat kepada 1,000 orang

**ISLAMABAD**, 2 Sept. - Angka korban akibat gempa bumi dahsyat yang melanda timur Afghanistan pada Ahad malam meningkat hampir 1,000 orang, menurut seorang pegawai kesihatan pada Selasa, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Jurucakap Kementerian Kesihatan, Sharafat Zaman, memberitahu stesen tempatan Shamshad TV bahawa setakat ini 1,000 orang disahkan terkorban, kebanyakannya di wilayah Kunar.

Beliau berkata jumlah korban berkemungkinan terus meningkat berikutan operasi mencari dan menyelamat masih dijalankan di kawasan pedalaman dan pergunungan yang sukar diakses.

Hampir 3,000 orang cedera, menurut seorang pegawai pentadbiran interim kepada Anadolu. Nangarhar, Laghman dan Panjshir antara wilayah lain yang turut terjejas akibat gempa bumi itu.

Ini merupakan gempa bumi besar ketiga yang melanda negara dilanda perang itu sejak Taliban Afghanistan kembali berkuasa pada Ogos 2021.

Kajian Geologi Amerika Syarikat (USGS) merekodkan gempa itu berlaku pada 11.47 malam waktu tempatan (1917GMT), berpusat 27 kilometer di timur laut Jalalabad pada kedalaman lapan kilometer pada Ahad malam ketika kebanyakan penduduk sedang tidur.

Kunar merupakan wilayah paling teruk terjejas dengan beberapa kampung musnah akibat gempa berkenaan.

Jurucakap pentadbiran interim Afghanistan di wilayah Kunar, Abdul Ghani, memberitahu Anadolu bahawa pasukan penyelamat dan bantuan telah tiba di kawasan terjejas, dan operasi itu telah diteruskan sejak Isnin.

"Angka korban mungkin meningkat kerana ramai mangsa masih tertimbus di bawah runtuhan," katanya.

Beliau menambah berpuluh-puluh rumah musnah di daerah Nur Gal, Sawki, Watpur, Manogi dan Chapa Dara.

Pentadbiran interim Afghanistan menghantar bekalan bantuan dan pasukan perubatan ke kawasan terlibat pada Isnin, dan Ghani berkata lebih banyak bantuan sedang dalam perjalanan dari Kabul.

Beberapa negara, termasuk jiran terdekat Pakistan, Iran, China dan India, serta negara-negara barat, telah berjanji untuk menghantar bantuan ke Afghanistan. - ©BERNAMA

# 3 ditahan selepas lebih 500kg kokain dirampas dari kontena di Sydney

**SYDNEY**, 2 Sept. - Pihak berkuasa Australia menahan dan mendakwa tiga lelaki susulan rampasan lebih 500 kilogram kokain yang ditemukan dalam sebuah kontena perkapalan dari Eropah yang tiba di Sydney, menurut polis pada Selasa, lapor Xinhua.

Pasukan khas pelbagai agensi terdiri daripada penyiasat Polis Persekutuan Australia dan pasukan polis tempatan di negeri pantai timur New South Wales mengumumkan penahanan itu selepas siasatan ke atas pekerja di pelabuhan Sydney yang dipercayai terlibat dalam memudahkan penyeludupan dadah.

Menurut kenyataan pihak berkuasa, penyiasat menerima maklumat risikan bahawa sekumpulan individu merancang mengeluarkan dadah dari sebuah kontena semasa ia disimpan di sebuah kemudahan kargo.

Seorang pemandu forklift, lelaki berusia 38 tahun didakwa mengalihkan kontena di sekitar kemudahan itu untuk mengakses kontena tertentu pada awal pagi Ahad sebelum seorang lelaki kedua, berusia 25 tahun, memasuki kontena itu bersama beg.

Dia ditahan ketika keluar dari sebuah kontena, dan polis menemukan beberapa peralatan yang didakwa digunakan untuk memotong dinding di bahagian belakang kontena.

Pasukan pakar kemudian hadir dan berjaya menanggalkan dinding itu sebelum menemukan 506 blok seberat satu kilogram setiap satu berisi serbuk putih yang disahkan sebagai kokain.

Menurut polis, jumlah rampasan itu melebihi A$164 juta (AS$108 juta).

Lelaki berusia 38 tahun itu ditahan apabila kembali ke kontena berkenaan.

Tidak lama kemudian, seorang lelaki berusia 42 tahun dengan wang tunai A$200,000 (AS$131,000) ditahan polis ketika keluar dari rumah suspek berusia 38 tahun itu, dan didakwa berurusan dengan wang yang dipercayai hasil jenayah.

Selain itu, wang tunai sebanyak A$130,000 (AS$85,200) turut dirampas dari rumah lelaki berusia 25 tahun.

Pasukan khas berkenaan memaklumkan kontena itu dihantar dari Eropah, namun siasatan lanjut mengenai sumber kokain masih dijalankan. - ©BERNAMA

# Lelaki ditahan di Paris sorok barang kemas bernilai 10 juta dalam seluar dalam

**PARIS**, 2 Sept. - Polis Republik Perancis menahan seorang penumpang di sebuah stesen kereta api Paris selepas dia didapati menyembunyikan sejumlah barang kemas mewah bernilai 10 juta (AS$11.7 juta) dalam seluar dalamnya, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Pejabat Pendakwa Raya Republik Paris pada Isnin memaklumkan siasatan berkaitan pengendalian barang curi oleh kumpulan jenayah telah dibuka terhadap lelaki itu serta seorang rakannya yang turut ditahan. Mereka juga didapati membawa sebuah alat pemotong besi dalam bagasi.

Menurut akhbar Le Parisien yang memetik pihak penyiasat, kedua-dua lelaki itu sudah dikenal pasti pihak berkuasa sebelum ini dan ditahan ketika pemeriksaan rutin di stesen kereta api jarak jauh Gare de Lyon selepas ketibaan sebuah kereta api.

Hasil pemeriksaan mendapati seorang daripada lelaki itu menyembunyikan sehelai stoking di dalam seluar dalamnya yang berisi seutas jam tangan mewah serta beberapa barang kemas lain.

Rampasan itu termasuk seutas rantai bernilai kira-kira 5 juta (AS$5.9 juta), sepasang anting-anting bernilai lebih 2 juta (AS$2.3 juta), serta sebentuk cincin bernilai 1 juta (AS$1.2 juta). - ©BERNAMA




# KEJOHANAN DART BEREGU LELAKI TERBUKA BORNEO 2025 LABUH TIRAI




SETIAUSAHA Tetap (Kebudayaan) di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat serta menyempurnakan majlis penyampaian hadiah kepada para pemenang. Turut hadir ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong.

**Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan**

**TUTONG**, Isnin, 1 September. - Kejohanan Dart Beregu Lelaki Terbuka Borneo 2025 yang dianjurkan oleh Jabatan Daerah Tutong dengan kerjasama Persatuan Dart Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) serta disokong oleh Imagine Sdn. Bhd. (Imagine), bertempat di Dewan Seri Kenangan dan Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Tutong melabuhkan tirainya, baru-baru ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis perlawanan akhir dan penyampaian hadiah ialah Setiausaha Tetap (Kebudayaan) di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan yang seterusnya menyempurnakan majlis penyampaian hadiah kepada para pemenang.

Sebanyak 107 pasukan telah menyertai kejohanan berkenaan termasuk 13 pasukan dari Sabah dan Sarawak. Penyertaan merangkumi pelbagai peringkat kemahiran, daripada pemain amatur hingga profesional, sekali gus menjadikan kejohanan ini sebagai platform pembangunan bakat serta pengiktirafan kepada pemain tempatan dalam arena sukan dart serantau.

Pasukan D Amazing KBT Silent Killer telah dinobatkan sebagai juara dengan membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak BND5,000 yang merupakan jumlah terbesar setakat ini bagi kejohanan dart peringkat serantau, berserta piala dan pingat.

Sementara itu, pasukan KGA Mission.Com pula muncul sebagai naib juara dengan membawa pulang hadiah wang tunai BND3,000 berserta piala dan pingat.

Manakala, tempat ketiga bersama dimenangi oleh pasukan D Amazing KTB Koi Fish dan SJA 'A' Lawas dengan masing - masing membawa pulang hadiah wang tunai BND1,000 berserta piala dan pingat.

Penganjuran kejohanan ini antara lain bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan pemain dart di NBD, di samping memperkenalkan sukan dart ke arah yang lebih tersusun, berdisiplin serta profesional. Ia juga dihasratkan dapat memajukan perkembangan sukan dart di negara ini serta menarik minat pelancong dan pemain luar negara, khususnya dari rantau Borneo.

Selain itu, kejohanan ini turut memberi peluang untuk menjadikan Daerah Tutong sebagai salah satu destinasi pelancongan pilihan bagi pengunjung dari dalam dan luar negara.

Bagi memeriahkan suasana, acara turut diserikan dengan penyertaan gerai makanan dan minuman (F&B *booths*) serta *food truck* yang menawarkan pelbagai pilihan hidangan kepada para pengunjung sepanjang kejohanan berlangsung.

Dengan sokongan dan kerjasama pelbagai pihak, kejohanan telah berlangsung dengan jayanya serta diyakini memberikan impak positif kepada pembangunan sukan, khususnya sukan dart di NBD.

Turut hadir menyaksikan perlawanan akhir dan majlis penyampaian hadiah pada malam tadi ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri; Naib Presiden Kanan Imagine, Awang Haji Mohd. Radziman bin Haji Abdul Rahman; Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Daerah Tutong serta jemputan khas.

# Pasukan MINDEF menempah slot ke separuh akhir



ANTARA aksi perlawanan suku akhir antara Pasukan MINDEF dan Pasukan MOD.

**Siaran Akhbar dan Foto : Ahli Jawatankuasa Tertinggi Kejohanan Bola Sepak Piala Keputeraan**

**BERAKAS**, Isnin, 1 September. – Pasukan Bola Sepak Kementerian Pertahanan (MINDEF) akan bertemu dengan Pasukan Bola Sepak Jabatan Perdana Menteri (JPM) pada Perlawanan Separuh Akhir Kejohanan Bola Sepak Kementerian-kementerian bagi merebut Piala Keputeraan 2025.

Kejayaan tersebut dicapai oleh MINDEF selepas pasukan tersebut berjaya menewaskan Pasukan Bola Sepak Kementerian Pembangunan (MOD) dengan jaringan 1 - 0 pada perlawanan suku akhir yang berlangsung di Padang dan Belapan, Berakas, baru-baru ini.

Jaringan tunggal MINDEF diperoleh menerusi sepakan penalti pada minit ke-83 oleh Awang Abdul Azizi Ali Rahman yang mudah memperdayakan penjaga gol MOD, Awang Mohd. Wardun Yussof.

Kedua-dua pasukan yang menampilkan rentak permainan penuh berhati-hati walau bagaimanapun masing-masing berjaya menghadirkan peluang untuk merobek gawang lawan namun penjaga gol kedua-dua pasukan beraksi lebih kemas menyelamatkan gawang masing-masing.

Ketika perlawanan memasuki ke masa tambahan, pengadil perlawanan menghadiahkan sepakan penalti kepada MINDEF yang disempurnakan dengan menarik oleh Awang Abdul Azizi.

Kebangkitan MOD untuk mencari jaringan penyamaan walau bagaimanapun gagal sehingga tamat perlawanan sekalipun mempunyai banyak ruang dan peluang serta kelebihan selepas pemain MINDEF, Huzaimi Haji Tengah dilayangkan kad merah.